

PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

ISNIN: 30 JUN 2008

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek jwp kem.08

2. Kawalan melalui laluan udara juga telah dilaksanakan sebagai satu langkah berkesan dalam usaha membanteras pengedaran VCD/DVD cetak rompak ke luar negara. Pemeriksaan yang dijalankan secara berkala dan *"ad-hoc"* serta penguatkuasaan bersistematik dan konsisten di lapangan terbang serta Terminal KTM telah memberi satu kesan yang besar terhadap kegiatan pengeksportan VCD/DVD cetak rompak.

3. Ujian forensik dari masa ke semasa ke atas cakera optik (VCD/DVD) cetak rompak bagi mengenalpasti sumber (kilang) pengeluar seterusnya menjalankan serbuan turut membantu Kementerian dalam mengurangkan kegiatan seumpama ini.

4. Mulai tahun 2007, Kementerian juga telah menggunakan khidmat anjing pengesan sebagai satu langkah yang berkesan dalam usaha membanteras cetak rompak. Melalui 2 ekor anjing pengesan dari Ireland iaitu Lucky dan Flo, Kementerian telah berjaya mengesan cakera optik di stor-stor penyimpanan, pusat membeli belah serta pintu keluar dan masuk negara.

Tuan Yang Dipertua,

5. Penubuhan Mahkamah Harta Intelek pada 6 Jun 2007 juga merupakan satu langkah di dalam usaha membanteras cetak rompak di negara ini. Mahkamah Harta Intelek ini adalah khusus membicarakan kes-kes berkaitan pelanggaran harta intelek. Sejumlah 15 buah Mahkamah Sesyen dan 6 buah Mahkamah Tinggi telah berfungsi di seluruh negara bagi menangani lambakan kes serta mempercepatkan perjalanan kes pelanggaran kes harta intelek di Mahkamah.

6. Kementerian juga turut menyediakan beberapa saluran bagi memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat serta membuat aduan berkaitan dengan cetak rompak seperti talian bebas tol : 1-800-886-800, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) : 32255 dan melalui e-aduan : http://e-aduan.kpdnhep.gov.my atau menghubungi mana-mana Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berhampiran.

Tuan Yang DiPertua,

Pihak Kementerian tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap VCD/DVD lucah yang terdapat di pasaran. Namun, pihak Kementerian akan merujuk atau menyerahkan kes tersebut kepada pihak PDRM ataupun Kementerian Dalam Negeri.

(b) Di bawah Seksyen 5 (1) Akta Penapisan Filem 2002 menegaskan bahawa tiada seorang pun yang boleh memiliki, mengeluar, mengedar, membuat, mempamer, menjual atau menyewakan filem lucah dan Seksyen 5 (2) Akta yang sama telah menetapkan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Maklumat daripada Polis DiRaja Malaysia menyatakan bahawa pada tahun 2007, sejumlah 7,051 VCD/DVD lucah telah dapat dirampas dan 407 orang telah ditangkap serta didakwa di bawah Akta Penapisan Filem 2002 termasuk pengedaran dan pemilikan filem haram termasuk filem lucah. Manakala pada tahun ini iaitu sehingga Mei 2008, sejumlah 7,596 VCD/DVD lucah telah dirampas dan 165 orang telah ditangkap dan didakwa.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 6, 11 HINGGA 97)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5
7 HINGGA 10
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN 6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT YANG KEDUA BELAS
PENGGAL PERTAMA, MESYUARAT KEDUA
2008

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok]**

TARIKH : **30 Jun 2008**

: **Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah dasar luar negara yang digariskan oleh Malaysia dalam hubungannya dengan negara-negara ASEAN, Eropah, Timor Leste, Timur Tengah dan Amerika Latin pada masa sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Bachok ke atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Dasar luar negara merangkumi jalinan hubungan yang baik dengan negara-negara di rantau ASEAN, Amerika Latin, Eropah dan Timur Tengah melalui kerjasama dua hala dalam pelbagai

No. Soalan: 7

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Longgong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan benarkah hanya kaum Bumiputera dan penyokong Barisan Nasional sahaja yang mendapat manfaat daripada industri kecil dan sederhana (IKS). Apakah penyokong Pakatan Rakyat tidak mendapat nikmatnya dan bagaimana strategi Kementerian melebarkan industri kecil dan sederhana (IKS) ke kawasan-kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) berperanan sebagai agensi peneraju atau *'lead agency'* dalam membangunkan usahawan dan koperasi termasuk pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) Bumiputera ke arah mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Dalam usaha memastikan hasrat ini tercapai pelbagai strategi, pendekatan dan program telah dilaksanakan oleh Kementerian tanpa membezakan ideologi malah ianya dilaksanakan dengan mengambil kira manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

bidang yang boleh membawa manfaat kepada negara. Selain itu, negara kita juga giat berusaha membina dan memupuk persefahaman serta kerjasama dengan negara-negara berkenaan di peringkat serantau dan antarabangsa demi kepentingan bersama.

3. Dasar luar negara memberi keutamaan kepada jalinan hubungan yang baik dengan negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara dan dasar persahabatan ini akan diteruskan pada masa-masa akan datang. Dalam hal ini, Malaysia akan terus mengamalkan prinsip menghormati kedaulatan, keutuhan wilayah, tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman dan identiti nasional negara-negara anggota ASEAN, yang digariskan oleh dokumen-dokumen asas ASEAN.

4. Dengan termeterainya Piagam ASEAN pada November 2007, dasar luar Malaysia dengan negara-negara anggota ASEAN akan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Dalam konteks hubungan kerjasama ASEAN, Malaysia akan terus memberikan penekanan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan integrasi perpaduan serantau bagi merealisasikan sebuah Komuniti ASEAN menjelang 2015.

5. Hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Timor Leste telah terjalin sejak Timor Leste mencapai kemerdekaan pada tahun 2002. Hubungan antara Malaysia dan Timor Leste sedikit sebanyak menyumbang kepada kestabilan dan keselamatan rantau ini.

6. Hubungan Malaysia dengan negara-negara Amerika Latin telah mendatangkan banyak manfaat melalui kerjasama perdagangan, pelaburan dan kebudayaan. Malaysia juga

Program-program pembangunan usahawan dan koperasi di bawah Kementerian dilaksanakan selaras dengan hasrat negara melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menyusun semula masyarakat menerusi pewujudan MPPB bagi memastikan kekayaan negara dapat diagih secara adil dan saksama. Berasaskan kepada hasrat tersebut, program-program Kementerian dilaksanakan merangkumi aspek-aspek keusahawanan seperti pembudayaan dan latihan keusahawanan; pembiayaan; penyediaan peluang-peluang perniagaan; khidmat nasihat dan sokongan; penyediaan premis-premis perniagaan; serta promosi dan pemasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha membangunkan usahawan dan IKS Bumiputera di luar bandar, Kementerian telah menbuhkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) sebagai mekanisme pembangunan modal insan, pembasmian kemiskinan dan membuka peluang-peluang perniagaan di peringkat akar umbi. Perlaksanaan MPUD ini didokong oleh agensi-agensi utama di bawah Kementerian iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Bank, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM), TEKUN Nasional. Selain itu, MPUD juga mendapat kerjasama kementerian lain termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah serta ahli-ahli perniagaan terkenal di daerah tersebut. Antara tugas dan tanggungjawab MPUD adalah :-

i) bertindak sebagai penyelaras kepada program pembangunan usahawan yang dilaksanakan dari pelbagai Jabatan / Agensi;
ii) mengenalpasti bidang-bidang yang berpotensi dibangunkan seperti Satu Daerah Satu Industri (SDSI) untuk dilaksanakan di daerah berkenaan;
iii) memantau pelaksanaan program pembangunan usahawan dan menentukan tindakan-tindakan susulan yang sesuai;

mengembangkan persefahaman dan kerjasama dengan negara-negara Amerika Latin melalui forum-forum antarabangsa dan serantau termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), FEALAC dan APEC. Malaysia juga akan terus bekerjasama dengan negara-negara Amerika Latin melalui kerjasama Selatan-selatan (*South-South Cooperation*).

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Hubungan Malaysia dengan negara-negara Eropah merangkumi hubungan dan kerjasama di peringkat dua hala dengan negara-negara individu di Eropah serta melalui pertubuhan Asia-Eropah (ASEM) dan ASEAN-EU. Negara-negara Eropah merupakan rakan kongsi perdagangan dan sumber pelaburan asing yang besar bagi Malaysia. Kerjasama dalam bidang-bidang lain termasuk pendidikan, pertahanan, sains dan teknologi, sains angkasa, bioteknologi, ICT, kebudayaan dan pelancongan semakin berkembang luas. Malaysia perlu terus bekerjasama dengan negara-negara Eropah bagi mempertingkat daya saing di peringkat antarabangsa terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan(R&D) dan sains dan teknologi (S&T).

Tuan Yang DiPertua,

8. Malaysia dan negara-negara Timur Tengah mempunyai jalinan hubungan yang rapat dan kerjasama yang merangkumi pelbagai bidang terutamanya dalam perdagangan, pelaburan, pendidikan, pelancongan dan hal ehwal Islam. Malaysia dan negara-negara tersebut sentiasa bekerjasama rapat di dalam Pertubuhan

iv) mengemukakan cadangan-cadangan termasuk program latihan dan penambahbaikan bagi program-program pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan di peringkat daerah;

v) mendapatkan maklumat-maklumat mengenai program pembangunan usahawan di peringkat daerah yang dilaksanakan oleh pelbagai Jabatan dan agensi kerajaan;

vi) mengenal pasti masalah atau halangan utama yang dihadapi oleh kumpulan sasar dalam pelaksanaan program pembangunan usahawan; dan

vii) melaporkan status program pembangunan usahawan kepada Jawatankuasa Pembangunan Usahawan di Peringkat Persekutuan – Negeri (JPPU-PN)

Disediakan oleh : **KPP (RN)1 / PP (RN) 2**
Sabarudin Bin Salleh / Mohd Shukur Bin Khalid
03-8880 5192 / 03-8880 5187
019-266 3890 / 019-275 5801

Disemak Oleh : **PENGARAH (RN)** 24/06/08
Hj. Zakaria Bin Jaafar
03-8880 5220
016-383 6495

Dipersetujui Oleh : **TKSU (U)**

Diluluskan Oleh : **KSU**

Persidangan Islam (OIC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dalam menangani dan mempromosi kepentingan umat Islam.

9. Semenjak kebelakangan ini, adalah didapati pelabur-pelabur dari Timur Tengah khasnya dari negara-negara Teluk, mula memberi tumpuan kepada negara-negara di rantau ini termasuk Malaysia. Dengan adanya hubungan dua hala yang erat, hubungan kerjasama ekonomi dan pelaburan antara Malaysia dan negara-negara Timur Tengah dijangka akan terus berkembang di masa akan datang.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Status Syarikat Mengikut Sektor Perniagaan dan Lokasi:

a). Syarikat Usahasama - Operasi Komersil	Bil	Produk/Perkhidmatan	Lokasi
Aktif	**10**		
1. PSI Plas (Perniagaan Safian Industri Plastik) Sdn Bhd		Barangan berasaskan Plastik	Pulau Pinang
2. Dereksun Marketing (M) Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Logam	Selangor
3. Top Range Product (M) Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Kayu	Selangor
4. Ju-Ichi Enterprise Sdn. Bhd		Pembinaan Hartanah	Johor
5. Iza-Latimer Usahasama Sdn Bhd		Kerja tanah, kerja sivil, bangunan dan infrastruktur	W.Persekutuan
6. Dereksun Industries (M) Sdn. Bhd		Lain-lain	Selangor
7. Segi Perkasa Sdn Bhd			W.Persekutuan
8. Citipad (M) Sdn Bhd		Percetakan	P.Pinang
9. DC & A Sdn Bhd.		Hartanah	Johor
10. Jejak Juta Sdn Bhd.		Lain-lain	Kedah
Peringkat Perancangan	**1**		
1. Amar Gaya Sdn Bhd.		Hartanah	Terengganu

SOALAN 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang]**
TARIKH	:	**30 Jun 2008**

: **Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan Malaysia akan berbincang dengan Kerajaan negara jiran untuk menetapkan dan menandakan Sempadan Maritim di Teluk Brunei kerana nelayan-nelayan dari Lawas dan Limbang kerap kali tersasar ke kawasan negara jiran yang agak samar dan terserempak serta terpaksa berhadapan dengan penguat kuasa dari negara jiran.

b). Syarikat Usahasama - Tidak Dapat Dikesan	Bil	Produk/Perkhidmatan	Lokasi
Perkilangan:	**14**		
1. Press Forge Sdn Bhd		Barangan berasaskan Logam	Pulau Pinang
2. Actan Group of Companies		Barangan berasaskan Kayu	Negeri Sembilan
3. Syuen GMK JV Sdn Bhd		Barangan berasaskan Besi dan keluli	Perak
4. Pelupor Desa(M) Sdn Bhd & Lau Sooi Choon		Pemprosesan makanan	Perlis
5. Perindustrian Koyo Sdn Bhd		Barangan berasaskan Getah	Negeri Sembilan
6. Alam Melur Sdn. Bhd		Komponen Automatif	Selangor
7. Umi Manufacturing Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Plastik	Pulau Pinang
8. City Business Corp Sdn. Bhd		Lain-lain	Selangor
9. Inki Plas (P) Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Plastik	Perak
10. Naluri Pasti Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Plastik	Perak
11. Kast Holdings Sdn Bhd		Komputer dan 'accessories'	Selangor
12. Tunas Mayang Sdn Bhd		Peralatan elektrik	Selangor
13. Demy Sdn Bhd		Lain-lain	Pulau Pinang
14. Astrade Industries & Claytan Industries Sdn Bhd		Lain-lain	Selangor
Perkhidmatan:	**5**		
15. Network Exchange Communication Sdn Bhd (NEXCOM)			W.Persekutuan
16. Aturantech Sdn. Bhd			N. Sembilan
17. Cemara Sakti Sdn Bhd			W.Persekutuan
18. Marcoria Sdn. Bhd			Selangor
19. Digital Motion Sdn. Bhd			W.Persekutuan
Pembinaan Dan Pembangunan Hartanah	**6**		
20. Sikap-Oyme Jv Sdn Bhd			Selangor
21. Syuen AMA Sdn Bhd			Perak
22. Primasterling Developments S. B.			Melaka

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Limbang di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendirian bahawa penyelesaian terbaik bagi isu-isu tuntutan bertindih yang melibatkan pembatasan sempadan maritim adalah melalui proses rundingan dua hala.

3. Mengenai isu persempadanan maritim dengan Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei masih merundingkan isu pertindihan sempadan maritim ini bagi mencari penyelesaian yang saksama dan mendatangkan manfaat kepada kedua-dua negara. Mana-mana rundingan dua hala bagi membataskan sempadan maritim ataupun sempadan darat memang memakan masa kerana ia melibatkan aspek-aspek teknikal, *legal* dan politikal yang rumit, yang harus diambil kira dan dipertimbangkan. Usaha dan langkah-langkah yang sewajarnya sentiasa diambil untuk memastikan usaha-usaha ini tidak mempunyai kepincangan yang boleh dipertikaikan kemudian hari demi menjamin kepentingan, hak dan kedaulatan negara.

23. Kota Nikmat Sdn. Bhd			**Pulau Pinang**
24. Kedeco Maika Jv Sdn. Bhd			**Kelantan**
26. Cahaya Luas Sdn Bhd			**Perak**
Lain-Lain Sektor	**3**		
26. Zenith Corporation Sdn. Bhd			**W.Persekutuan**
27. Beras Beseri Sdn Bhd			**Perlis**
28. Segi Perkasa Sdn Bhd		Chemical Engineering Product and Services	**W.Persekutuan**
Jumlah	**28**		

c). Syarikat Usahasama - Menarik Diri dari MGUT	**Bil**	**Produk/Perkhidmatan**	**Lokasi**
Pembuatan	**12**		
1. Ebiza Industries Sdn. Bhd		Komponen Automotif	**Selangor**
2. Orion Coil Tech Sdn. Bhd		Elektrik dan Elektronik	**Pulau Pinang**
3. Pral Tower Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Besi dan keluli	**Pulau Pinang**
4. Prethread Products Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Getah	**Perak**
5. Menara Kerjaya Fasteners Sdn Bhd		Barangan berasaskan Logam	**Pulau Pinang**
6. Micropack Semiconductor Sdn. Bhd		Elektrik dan Elektronik	**Perak**
7. Perwira Nilai Murni Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Kayu	**T'ganu**
8. Toyocom (M) Sdn. Bhd		Elektrik dan Elektronik	**WP**
9. Grahawoods & Min Hwa Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Kayu	**Selangor**
10. Coolrich Industries Sdn Bhd		produk berasaskan kimia	**WP**
11. E'more Bricks Sdn. Bhd		Pembinaan Hartanah	**Selangor**
12. HML Resources Sdn Bhd		Lain-lain Sektor	**T'ganu**

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JAYA UTARA)**

TARIKH : **30.6.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JAYA UTARA) minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab butir-butir bangsa dan agama perlu dibekalkan dalam kertas peperiksaan semasa mengambil peperiksaan awam. Adakah Kementerian akan membatalkan pendekatan tersebut seperti yang dijanjikan sejak tahun 2006, supaya tiada perasaan bimbang mengenai kesaksamaan akan dibangkit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang memerlukan maklumat diri calon yang menduduki peperiksaan awam seperti maklumat keturunan, agama dan jantina semasa pendaftaran peperiksaan bagi tujuan memudahkan urusan pentadbiran peperiksaan. Dalam pada itu, KPM juga sentiasa menjunjung tinggi prinsip kesaksamaan, keadilan, kebolehpercayaan dan kesahan dalam hal berkaitan peperiksaan. Sehubungan itu, dokumen seperti butir-butir bangsa dan agama tidak digunakan untuk pemeriksaan kertas jawapan dan penggredan bagi mengelakkan pemeriksa mengetahui maklumat diri calon. Manakala penggredan pula dibuat oleh sistem komputer berdasarkan markah sempadan yang sama bagi semua calon.

d). Syarikat Usahasama -Telah Dibubarkan	Bil	Produk/Perkhidmatan	Lokasi
	5		
1. Plassyn Resources Sdn Bhd		Barangan berasaskan Plastik	Kelantan
2. Sewtex Sdn Bhd		Pemprosesan makanan	Kedah
3. Percaya Electronics Industry Sdn. Bhd		Elektrik dan Elektronik	Johor
4. Mydax Enamelled Wire Sdn. Bhd		Elektrik dan Elektronik	Pulau Pinang
5. Gugusan Kekal Sdn. Bhd.		Hartanah	Selangor

e). Syarikat Usahasama - Telah Digugurkan	Bil	Produk/Perkhidmatan	Lokasi
	2		
1. Gemico Engineering Sdn. Bhd		Barangan berasaskan Kayu	WP
2. United Sri Terengganu Sdn Bhd		Perkhidmatan	WP
Jumlah keseluruhan	56		

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)**
TARIKH	:	**30.06.2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**13**

PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

(a) langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah penjualan VCD/DVD cetak rompak; dan

(b) sejauh manakah tindakan dan kuasa Pihak Penguatkuasa terhadap VCD/DVD lucah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian dalam usaha menangani dan membanteras penjualan VCD/DVD cetak rompak adalah seperti berikut :-

1. Melaksanakan operasi-operasi bersepadu secara berterusan.

   Operasi secara bersepadu telah dan terus dilaksanakan dengan kerjasama agensi –agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan. Tumpuan operasi bersepadu ini adalah di kompleks-kompleks membeli belah ternama yang menjadi tumpuan pelancong asing, pusat-pusat bandar besar di seluruh negara dan pasar-pasar malam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)**
TARIKH	:	**30.06.2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**13**

PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

(a) langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah penjualan VCD/DVD cetak rompak; dan

(b) sejauh manakah tindakan dan kuasa Pihak Penguatkuasa terhadap VCD/DVD lucah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian dalam usaha menangani dan membanteras penjualan VCD/DVD cetak rompak adalah seperti berikut :-

1. Melaksanakan operasi-operasi bersepadu secara berterusan.

   Operasi secara bersepadu telah dan terus dilaksanakan dengan kerjasama agensi –agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan. Tumpuan operasi bersepadu ini adalah di kompleks-kompleks membeli belah ternama yang menjadi tumpuan pelancong asing, pusat-pusat bandar besar di seluruh negara dan pasar-pasar malam.

SOALAN: ~~14~~ 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AB AZIZ BIN AB
[KETEREH]

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN :

TUAN AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN :-

(A) STATUS PEMBINAAN JALAN RAYA BARU KUALA KRAI KE KOTA BHARU; DAN

(B) SYARIKAT MANAKAH YANG TELAH

BERJAYA MEMPEROLEHI KONTRAK TERSEBUT DAN ADAKAH IA TELAH DIBERI SECARA RUNDING TERUS.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PROJEK PEMBINAAN JALAN BARU DARI KOTA BHARU KE KUALA KRAI TELAH DITAWARKAN SECARA RUNDINGAN TERUS KEPADA SYARIKAT PADANGMAJU BINA SDN BHD. WALAUBAGAIMANAPUN PADA MASA INI, KERAJAAN TELAH MEMBATALKAN TAWARAN TERSEBUT DAN MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENAWARKAN PROJEK INI DENGAN 3 KAEDAH PEROLEHAN SEPERTI BERIKUT :

(1) 50% NILAI KESELURUHAN PROJEK KEPADA SYARIKAT KONSORTIUM LOGISTIK BERHAD SECARA RUNDINGAN TERUS;

(2) 35% DITENDER SECARA TERBUKA DI KALANGAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA SECARA BERPAKEJ; DAN

(3) 15% LAGI DITENDER SECARA TERBUKA DI KALANGAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN JUGA SECARA BERPAKEJ.

Soalan No : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)**
TARIKH	:	**30.6.2008**

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kriteria digunakan untuk meluluskan kerja-kerja baik pulih bangunan sekolah yang sudah uzur dan tidak selamat digunakan misalnya, bangunan makmal dan hostel di SMK Lake, Bau dalam kawasan Mas Gading, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria yang digunakan untuk meluluskan kerja-kerja baik pulih bangunan sekolah yang uzur ialah:

i. Pengesahan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi bangunan sekolah yang uzur dan tidak selamat diduduki; dan
ii. Berdasarkan peruntukan yang ada dan mencukupi untuk melaksanakan projek pembaikan.

Berhubung dengan projek pembangunan bagi SMK Lake, dalam kawasan Parlimen Mas Gading, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan peruntukan tambahan bagi membaikpulih makmal dan hostel di sekolah tersebut. Kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan dalam jangkamasa yang terdekat.

Di samping itu, KPM juga telah mengemukakan permohonan pembinaan bangunan sekolah di bawah program menengah dalam kajian separuh penggal RMKe-9. Namun begitu, sekiranya permohonan tersebut tidak berjaya, projek keseluruhan pembangunan sekolah bagi SMK Lake akan dicadangkan semula dalam RMKe-10.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (BALING)**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**30 JUN 2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**NO. 17**

SOALAN

YB. Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md Taib minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah akan dapat diperluaskan khidmat 3G di seluruh kawasan, terutama luar bandar supaya maklumat-maklumat yang tepat dapat disalurkan dengan lebih pantas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penguntukan spektrum 3G telah diberikan kepada 4 syarikat iaitu UMTS (Malaysia) Sdn Bhd, Celcom (Malaysia) Bhd, U-Mobile Sdn Bhd dan DiGi Telecomunications Sdn Bhd. Setakat ini semua

pemegang penguntukan spektrum telah melancarkan perkhidmatan mereka kecuali DiGi Telecomunications Sdn. Bhd. yang baru menerima penguntukan spektrum.

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memantau pemegang-pemegang penguntukan spektrum 3G berdasarkan komitmen di dalam Pelan Perniagaan Lengkap (*Detailed Business Plan* – DBP). Sehingga 31 Disember 2007, pemegang-pemegang penguntukan spektrum 3G telah melancarkan perkhidmatan mereka di mana Liputan Penduduk Nasional *(National Population Coverage)* bagi Celcom adalah sebanyak 63.45% (lebih 4.45% dari DBP), UMTS sebanyak 36.3% (lebih 1.3% dari DBP), U-Telecom sebanyak 10% (seperti DBP) manakala DiGi sebanyak 0%. Celcom dan UMTS telah melancarkan perkhidmatan 3G melebihi komitmen mereka di dalam DBP, manakala U-Mobile berjaya memenuhi komitmen mereka.

Seperti yang telah dinyatakan di dalam DBP, pada akhir tahun 2009, semua pemegang penguntukan spektrum 3G akan memberikan perkhidmatan mereka meliputi sekurang-kurangnya 50% penduduk dan pada akhir tahun 2012, liputan ini akan bertambah sekurang-kurangnya 75% penduduk.

SOALAN NO: 18

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**
RUJUKAN	:	**1070**

SOALAN :

Dr. Mujahid Bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan 'ancaman pengganas' dalam usaha GWOT (Global War on Terrorism) di negara kita. Apakah ada tekanan dari Kuasa Besar Amerika supaya Malaysia membuat tangkapan-tangkapan ke atas 'pengganas' sedangkan mereka tidak terbukti terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada pertengahan 90 an, telah wujud satu trend baru yang membimbangkan dengan kehadiran anggota-anggota kumpulan Al-Qaeda yang bukan sahaja menjadikan Malaysia sebagai pangkalan logistik dan pertemuan, malahan mempunyai rangkaian kerja dengan anggota militan tempatan. Pada 11 Disember 1995, Polis Diraja Malaysia (PDRM)telah berjaya mengesan dan menangkap Wali Khan Amin Shah, anggota Al-Qaeda yang terlibat dalam serangan ke atas New York World Trade Center. Semasa di Malaysia, Wali Khan telah mendapat bantuan Riduan Isamudin @ Hambali, salah seorang pemimpin Kanan Jemaah Islamiyah (JI) dan Ketua Operasi Al-Qaeda bagi rantau Asia Tenggara.

Tuan Yang Dipertua,

Operasi-operasi susulan ke atas anggota JI juga telah berjaya mengesan satu lagi kumpulan militan tempatan iaitu Darul Islam (DI) yang berpusat di Sabah. Sejumlah 16 anggota DI telah ditangkap sejak Mac 2006 sehingga sekarang. Saya ingin menarik perhatian

Ahli Yang Berhormat terhadap hubungan yang wujud di antara kumpulan Daulah Islamiyah di Sabah dengan kumpulan-kumpulan militan dari Indonesia dan Selatan Filipina termasuk JI dan Abu Sayyaf Group (ASG). Anasir-anasir DI turut menjadi perantaraan dalam penyaluran dana dari kumpulan-kumpulan militan Indonesia dan Al-Qaeda kepada anasir-anasir JI Indonesia yang bersembunyi di Selatan Filipina termasuk Dul Matin, Umar Patek dan Zulkifli Hir.

Tuan Yang Dipertua,

Tangkapan dan penahanan ke atas rakyat Malaysia adalah bukan dibuat kerana tekanan oleh kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat. Tangkapan tersebut dibuat berdasarkan kepada bukti penglibatan mereka dalam aktiviti keganasan. Mereka mempunyai ideologi dan matlamat perjuangan yang sama dengan menjadikan kepentingan barat sebagai sasaran. Atas dasar tersebut, mereka telah memberi sokongan dan bantuan logistik kepada anasir-anasir pengganas antarabangsa yang memasuki Malaysia. Walaupun setakat ini belum ada sebarang serangan yang dilancarkan di Malaysia, namun keadaan ini dijangka akan berubah sekiranya kumpulan pengganas antarabangsa tersebut berterusan mendapat sokongan dan bantuan daripada rakyat tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Datuk Haji Abdul Rahman bin Dahlan [Kota Belud]**
TARIKH	:	**30 Jun 2008 (Isnin)**
SOALAN	:	**19**

Datuk Haji Abdul Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) berapa banyak aduan oleh pelanggan berkenaan kelewatan penerbangan domestik AirAsia dalam tempoh 2007-2008; dan

(b) berapa pula statistik kelewatan penerbangan dari jadual asal yang direkodkan dalam tempoh yang sama.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2007-2008 (iaitu sehingga bulan Mei 2008) AirAsia telah menerima sebanyak 137 aduan berhubung kelewatan penerbangan domestiknya.

Mengenai statistik kelewatan penerbangan, adalah dimaklumkan bahawa pada tahun 2007-2008, kelewatan penerbangan yang direkodkan bagi penerbangan domestik AirAsia adalah 27.8% daripada jumlah keseluruhan penerbangan domestik AirAsia.

SOALAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

TARIKH: 30 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [Jerai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian menyediakan pekerjaan wajib kepada OKU di seluruh negara.

PR-1212-L14175

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua

Kementerian Sumber Manusia (KSM) perihatin akan isu berhubung dengan peluang pekerjaan kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Pada masa ini, KSM tidak mensyaratkan majikan menyediakan pekerjaan wajib untuk OKU. Walau bagaimanapun KSM sentiasa membantu OKU mendapatkan pekerjaan terutama di sektor swasta melalui pelbagai program yang diadakan seperti berikut:

i. Mengadakan pendaftaran secara *on-line* melalui Sistem Pendaftaran dan Penempatan OKU (SPOku) dan pendaftaran secara manual. Sehingga kini seramai 9,921 OKU telah berdaftar dengan JTK dan 7,104 OKU telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan. Pada masa ini terdapat 40 majikan yang aktif menggaji OKU.

ii. Menyediakan kaunter khas semasa Karnival Pekerjaan untuk pendaftaran OKU di mana mereka berpeluang mendaftar secara *on-line* serta ditemuduga secara langsung oleh majikan yang hadir untuk pengisian kekosongan jawatan.

iii. Kementerian juga mempergiatkan lagi konsep *Home Working* yang bertujuan untuk menggalakkan majikan mengambil pekerja OKU.

iv.

v. Mempromosi program pengambilan OKU kepada majikan dengan memaklumkan insentif yang akan diperolehi dalam bentuk potongan/pelepasan cukai kepada majikan yang menggaji OKU.

Tuan Yang Di Pertua

Secara umumnya, majikan bersedia untuk menggajikan OKU di syarikat mereka terutamanya di sektor perkhidmatan seperti pekerjaan sebagai telefonis, pekerja hotel, pembantu kedai, operator pengeluaran, pekerja industri kraf dan sebagainya.

Di samping itu, KSM juga menyediakan latihan dalam bidang teknologi komputer (rangkaian) dan teknologi komputer (sistem) kepada OKU di ILP Kangar, ILP Kuala Trengganu dan ADTEC Batu Pahat bagi meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN TERESA KOK SUH KIM [SEPUTEH]

TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Kim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Kerajaan menetapkan umur 21 sebagai umur membuang undi sedangan kebanyakan negara di dunia ini telah menetapkan umur 18 sebagai umur membuang undi. Apakah Kerajaan bercadang mengadakan pendaftaran automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendapat umur matang bagi seseorang warganegara Malaysia adalah 21 tahun. Sebelum umur tersebut, sebahagian besar rakyat Malaysia adalah masih lagi dalam peringkat persekolahan. Ini berbeza dengan negara-negara lain di dunia terutamanya di Barat di mana tempoh kematangan rakyatnya adalah lebih muda kerana mempunyai tahap pendidikan yang tinggi di peringkat umur lebih muda. Oleh yang demikian, kerajaan telah menentukan, umur mengundi bagi seseorang warganegara Malaysia adalah apabila berumur 21 tahun.

b) Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun. Ini disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatit di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia boleh menyebabkan timbulnya beberapa kesulitan kepada pemilih itu sendiri. Ini kerana, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data

alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Peraturan ini tidak mematuhi kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat bermastautin tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhuatiri ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh kerana itu, dikhuatiri peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjejaskan imei negara di mata dunia. Berasaskan pada hakikat ini maka kerajaan belum lagi bersedia untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI MOHD BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU]**

TARIKH : **30 JUN 2008**

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **Perdana Menteri** menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan bagi mengendalikan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi tahun 2007 mengikut Kementerian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah wang dibelanjakan bagi mengendalikan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2007 yang melibatkan 28 buah Kementerian ialah sebanyak RM59,483,868.29. Perbelanjaan berkenaan meliputi kos pelaksanaan PTK melalui peperiksaan, kursus, temuduga, amali serta pengurusan program bimbingan persediaan PTK. Senarai mengikut Kementerian adalah seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1: KOS PELAKSANAAN PTK TAHUN 2007

Bil.	Kementerian/ Jabatan Perdana Menteri	Jumlah (RM)
	KEMENTERIAN	
1	Jabatan Perdana Menteri	3,397,278.04

2	Kem. Belia & Sukan	158,563.00
3	Kem. Hal Ehwal Dalam Negeri	187,653.24
4	Kem. Kebudayaan, Kesenian & Warisan	296,235.00
5	Kem. Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	67,668.00
6	Kem. Kerja Raya	2,693,412.50
7	Kem. Keselamatan Dalam Negeri	361,781.10
8	Kem. Kesihatan	2,400,223.87
9	Kem. Kewangan	386,623.00
10	Kem. Luar Negeri	331,280.04
11	Kem. Pelajaran	38,198,897.10
12	Kem. Pelancongan	1,860.00
13	Kem. Pembangunan Usahawan & Koperasi	160,950.00
14	Kem. Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	227,434.00
15	Kem. Penerangan	368,878.00
16	Kem. Pengajian Tinggi	629,610.00
17	Kem. Pengangkutan	1,213,983.60
18	Kem. Perdagangan Antarabangsa & Industri	5,720.00
19	Kem. Perdagangan Dlm Negeri & Hal Ehwal Pengguna	797,844.00
20	Kem. Pertahanan	460,335.55
21	Kem. Pertanian & Industri Asas Tani	3,982,415.54
22	Kem. Perumahan & Kerajaan Tempatan	704,866.00
23	Kem. Perusahaan, Perladangan & Komoditi	880,032.00
24	Kem. Sains, Teknologi & Inovasi	473,508.00
25	Kem. Sumber Asli & Alam Sekitar	634,027.65
26	Kem. Sumber Manusia	417,794.06
27	Kem. Tenaga, Air & Komunikasi	44,995.00
28	Kem. Wilayah Persekutuan	Menumpang agensi lain
	JUMLAH	59,483,868.29

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHUA TEE YONG

TARIKH: 30 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN CHUA TEE YONG [Labis] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa semua majikan menjaga kebajikan peladang-peladang estet kelapa sawit.

PR-1212-L13409

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan statistik daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, jumlah pekerja di sektor perladangan dan pertanian adalah seramai 1,203,851 orang. Pekerja tempatan yang bekerja di sektor perladangan adalah seramai 862,387 orang manakala jumlah pekerja asing yang bekerja di ladang adalah seramai 341,464 orang. Kerajaan menyedari dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh pekerja ladang kepada pembangunan ekonomi negara.

Bagi menjaga kebajikan pekerja ladang, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan perbincangan dengan Malayan Agricultural Producers Association (MAPA) dan National Union of Plantation Workers (NUPW) dan agensi yang berkaitan dengan

pekerja ladang. Dalam perbincangan tersebut, antara perkara-perkara yang dipersetujui adalah seperti berikut:-

a) Majikan ladang dikehendaki menyediakan kemudahan asas seperti perumahan, bekalan air dan elektrik daripada sumber awam. Kos penyambungan paip air dan pendawaian elektrik ke rumah-rumah pekerja ladang ditanggung oleh majikan. Caj bayaran bekalan air dan elektrik akan dikenakan atas kadar domestik bagi pekerja ladang.

b) Kerajaan Negeri akan membantu dan mempermudahkan pelaksanaan Skim Pemilikan Rumah Pekerja Ladang seperti dalam urusan pertukaran syarat tanah.

c) Diwujudkan satu tabung khas bagi membolehkan pekerja ladang mencarum sebagai simpanan untuk tujuan pemilikan rumah di akhir perkhidmatan.

d) Pembinaan rumah-rumah pekerja di ladang hendaklah mematuhi Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

e) Keuntungan syarikat ladang daripada kenaikan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah seharusnya turut dikongsi dengan pekerja ladang melalui peningkatan kemudahan asas di ladang.

Selain daripada itu, majikan ladang juga dikehendaki menyediakan klinik atau hospital ladang, pusat asuhan kanak-kanak, tanah untuk bercucuk tanam atau program bumi hijau, dewan komuniti, serta kemudahan agama dan rekreasi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Standard-Standard Minimum dan Kemudahan Pekerja, 1990.

NO. SOALAN : *24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIEN JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN : TUAN CHONG CHIEN JEN [BANDAR KUCHING]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan perlaksanaan projek-projek RMKe-9 di Sarawak dan status penyiapan projek-projek tersebut.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Perkembangan pelaksanaan projek-projek RMKe-9 di Sarawak seperti mana prestasi Kemajuan Fizikal dan Kewangan di bawah RMKe-9 Negeri Sarawak **sehingga 19 Jun 2008 iaitu sebelum Kajian Separuh Penggal** adalah seperti berikut:

Prestasi Kewangan: Sebanyak **RM317,452,332.02** (2.2%) telah dibelanjakan daripada siling peruntukan untuk RMKe-9 sebanyak **RM14,209,991,850.00.**

Status pelaksanaan untuk **3506 projek** adalah seperti berikut:

Dalam perancangan : 1024 projek

Belum mula : 157 projek

Ikut Jadual : 1110 projek

Lewat jadual : 126 projek

Dahulu jadual : 273 projek

Siap aktiviti : 223 projek

Sudah Siap : 454 projek

Simpan Dalam Perhatian : 139 projek

SOALAN NO: 25

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 30 JUN 2008 [ISNIN]

SOALAN : YB. TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menanam padi secara komersial di sekitar Banting yang mempunyai kawasan yang amat sesuai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kawasan di sekitar Banting, Sarawak mempunyai luas kawasan 295 hektar yang mana hanya 134.3 hektar atau 47 % kawasan ditanam dengan padi. 53 % lagi kawasan tidak diusahakan kerana kekurangan tenaga buruh. Kawasan ini merupakan kawasan di bawah skim Jabatan

Pengairan dan Saliran dan usaha sedang dibuat untuk membaikpulih serta menaikkan infrastruktur pengairan di skim berkenan.

Setakat ini, projek perintis penanaman padi komersial dilaksanakan di kawasan Paloh, Bahagian Mukah, Sarawak. Dalam RMKe9, sasaran keluasan tanah yang akan dibangunkan adalah seluas 660 hektar dengan jumlah peruntukan RM20 juta dan diselaraskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak.

NO. SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN :

Y.B. Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai terperinci syarikat subsidiari milik penuh dan separuh dan juga syarikat berhubung (*associated companies*) PETRONAS di Malaysia dan memberi butiran maklumat (terperinci yang boleh) tentang kedudukan kewangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah syarikat-syarikat dalam kumpulan PETRONAS adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan
Anak-anak syarikat milik penuh (*Wholly owned subsidiaries*)	117
Anak-anak syarikat milik sebahagian (*Partly owned subsidiaries*)	23
Syarikat-syarikat bersekutu (*Associated companies*)	23

PETRONAS telah menyediakan penyata kewangannya dibawah peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan terkini yang

diluluskan di Malaysia. Berdasarkan peruntukan piawaian perakaunan tersebut, PETRONAS telah menyediakan penyata kewangan diperingkat kumpulan yang menggabungkan semua syarikat-syarikat dalam kumpulannya.

Untuk gambaran secara keseluruhan, prestasi kewangan Kumpulan PETRONAS adalah seperti berikut:

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN PETRONAS - RM BILION

	KUMPULAN	
	2007	**2006**
Keuntungan Sebelum Cukai	**76.3**	**69.4**
Dicampur Royalti dan Duti Eksport	10.5	9.7
Keuntungan Sebelum Perbelanjaan Terakru Kepada Kerajaan	**86.8**	**79.1**
Ditolak : *Minority Interests' Share*	(7.8)	(5.5)
Profit Attributable To the Government	**79.0**	**73.6**
Accrued to the Government	**52.3**	**47.7**
- *Cukai*	21.8	19.0
- *Dividen*	20.0	19.0
- *Royalti*	8.5	7.7
- *Duti Eksport*	2.0	2.0
Baki Keuntungan	**26.7**	**25.9**
- *Pelaburan Harta Modal*	21.6	18.7
- *Anggaran Pelaburan Pasaran Kewangan*	5.1	7.2

Penyata kewangan semua anak syarikat dalam kumpulan PETRONAS yang ditubuhkan di Malaysia telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia setiap tahun, seperti yang diperuntukan di bawah Akta Syarikat, 1965.

SOALAN NO: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN:

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah status kedudukan kes yang dirujuk kepada Lembaga Pengampunan dari segi bilangan dilulus dan ditolak, kategori kes, bilangan warganegara dan bukan warganegara yang terlibat sehingga Mei 2008.

JAWAPAN:

Dimaklumkan bahawa Jemaah Pengampunan akan membuat pertimbangan terhadap Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali dan Petisyen yang dikemukakan oleh pihak penjara serta banduan berkaitan sepertimana ketetapan oleh Peraturan 54, 113 dan 114 Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

Semenjak tahun 2003 sehingga Mei 2008 Jemaah Pengampunan telah membuat pertimbangan terhadap sejumlah Kajian

Hukuman Empat Tahun Sekali bagi banduan yang melakukan berbagai kesalahan yang tidak membawa hukuman mati. 19 orang dari jumlah tersebut adalah warga asing. Daripada 247 Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali hanya 12 orang telah diberikan peringanan hukuman yang mana seorang dari mereka adalah warga asing. Manakala 235 orang lagi telah dipertimbangkan untuk meneruskan hukuman.

Dalam tempoh yang sama Jemaah Pengampunan juga telah membuat pertimbangan terhadap petisyen yang dikemukakan oleh 16 banduan bukan hukuman mati dan 16 petisyen banduan hukuman mati.

Bagi petisyen untuk banduan bukan hukuman mati semua 16 banduan yang mengemukakan petisyen berkenaan telah diarahkan oleh Jemaah Pengampunan untuk meneruskan hukuman. Banduan-banduan yang terlibat semuanya warga negara Malaysia dan mereka melakukan berbagai kesalahan yang tidak membawa kepada hukuman mati.

Manakala keputusan terhadap 16 petisyen banduan hukuman mati ialah 7 diputuskan untuk dilaksanakan hukuman gantung sampai mati dan 9 orang telah diringankan hukuman. Banduan yang digantung sampai mati tersebut melakukan kesalahan iaitu 1 bagi kes bunuh, 4 kes di bawah Seksyen 121 Kanun Keseksaan iaitu berperang dengan Yang di-Pertuan Agong dan 11 bagi kes pengedaran dadah.

Mereka diringankan daripada hukuman mati kepada hukuman seumur hayat (tiada tarikh bebas) seramai 5 orang dan diringankan kepada hukuman 20 tahun pula seramai 4 orang.

Daripada sejumlah 7 banduan yang telah digantung 3 dari mereka adalah warga asing. Manakala seramai 9 yang diringankan hukuman 2 orang dari mereka adalah warga asing.

LAMPIRAN A

STATUS KEDUDUKAN KES YANG DIRUJUK KEPADA JEMAAH PENGAMPUNAN MULAI TAHUN 2003 HINGGA MEI 2008

Kategori	Lulus (Ringan Hukuman)		Tolak (Hukuman Kekal)		Bil. Kes Yang Dirujuk Kepada Jemaah Pengampunan	Bil. Kes yang Dihantar Oleh Penjara Kepada Urus Setia Jemaah Pengampunan
	Warganegara	Bukan Warganegara	Warganegara	Bukan Warganegara		
KHETS	11	1	217	18	247	1400
Peraturan 113	-	-	16	-	16	16
Peraturan 114	7	2	4	3	16	33
JUMLAH	18	3	237	21	279	1449

CATATAN

KHETS : **Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali**

(**Peraturan 54**, Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Akta Penjara 1995) Rujuk Bil. 5a, di lampiran **B**

Peraturan 113 : (**Peraturan 113**, Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Akta Penjara 1995) Rujuk Bil. 5b, di lampiran **B**

Peraturan 114 : (**Peraturan 114,** Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Akta Penjara 1995) Rujuk Bil. 6, di lampiran **B**

LAMPIRAN B

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

BIL	PERKARA		PERUNTUKAN	PENERANGAN
1	Kuasa mengampun	**Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.**	*'Yang di-Pertuan Agong adalah berkuasa mengampun dan menangguhkan hukuman-hukuman mengenai segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan segala kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan Raja atau Gabenor sesuatu Negeri adalah berkuasa mengampun dan menangguhkan hukuman-hukuman mengenai segala kesalahan lain yang dilakukan di Negerinya.'*	Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang amat luas untuk memberikan pengampunan kepada mana-mana pesalah yang telah melakukan apa-apa kesalahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan juga Putrajaya.
2	Kes-Kes Keselamatan	**ESCAR Essential (Security Cases) Regulations 1975**	*(1) 'security case' means a case where a person is charged with a security offence;* *'security offence' means an offence (whether committed before or offer the commencement of these Regulations) against section 57, 58, 59, 60, 61 or 62 of the Internal Security Act 1960, or any offence against any other written law the commission of which is certified by the Attorney-General under paragraph(2) to effect the security to the Federation;* *(2) Where the commission of any offence against any written law order than section 57, 58, 59, 60, 61 and 62 of the Internal Security Act, 1960, in the opinion of the Attorney-General, affects the security of the Federation he shall issue a certificate to that effect and the case shall thereupon be dealt with and tried in accordance with Regulations*	Kes-kes keselamatan bermaksud kes di mana seseorang dituduh melakukan 'kesalahan keselamatan'. 'Kesalahan keselamatan' bermaksud kesalahan di bawah seksyen 57, 58, 59, 60, 61 atau 62 Akta Keselamatan Dalam Negeri atau kesalahan-kesalahan lain di bawah undang-undang lain yang telah diklasifikasikan (certified) oleh Peguam Negara sebagai kes keselamatan dibawah seksyen (2)ESCAR yang mengancam keselamatan negara.

BIL	PERKARA		PERUNTUKAN	PENERANGAN
3a	Kesalahan Keselamatan	**Seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri**	*(1) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah, yang mana beban membuktinya adalah diatas orang itu, di dalam mana-mana kawasan keselamatan membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya:-* *(a) apa-apa senjata api tanpa kebenaran yang sah baginya; atau* *(b) apa-apa amunisi atau bahan letupan tanpa kebenaran yang sah baginya,* *Adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dihukum mati.*	Memiliki senjata api, amunisi atau bahan letupan.
3b	Kesalahan Keselamatan	**Seksyen 58 Akta Keselamatan Dalam Negeri**	*(1) Mana-mana orang yang dalam mana-mana kawasan keselamatan berdamping dengan atau yang didapati bersama dengan seorang lain yang ada membawa atau ada dalam miliknya atau bahan letupan berlanggaran dengan seksyen 57, dalam hal-keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa baru-baru ini telah bertindak, dengan orang laib itu dengan cara yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan awam atau penyenggaraan ketenteraman awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dihuku mati atau penjara seumur hidup.*	Berdamping dengan orang yang memiliki senjata api, amunisi atau bahan letupan.
3c	Kesalahan Keselamatan	**Seksyen 59 Akta Keselamatan Dalam Negeri**	*(1)Mana-mana orang yang sama di dalam atau diluar suatu kawasan keselamatan menuntut, memungut atau menerima apa-apa bekalan daripada mana-mana orang lain dalam ha-keadaan yang meninmbulkan anggapan yang munasabah bahawa dia bercadang untuk, atau hampir, bertindak, atau baru-baru ini telah bertindak sedemikian, atau baru-baru ini telah bertindak sedemikian, atau bagi penggunaan mana-mana pengganas adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dihukum mati dalam hal-hal di mana bekalan-bekalan yang berkenaan dengannya dia disabitkan terdiri daripada senjata api, amunisi atau bahan letupan, atau penjara seumur hidup dalam hal-hal lain.*	Menuntut, menerima apa-apa bekalan seperti senjata api, amunisi atau bahan letupan bagi kegunaan pengganas.

BIL	PERKARA		PERUNTUKAN	PENERANGAN
3d	Kesalahan Keselamatan	**Seksyen 60 Akta Keselamatan Dalam Negeri**	*Mana-mana orang yang sama ada di dalam atau di luar sautu kawasan keselamatan, semasa mana-mana pengisytiharan di bawah seksyen 47 berkuatkuasa-* *(a) mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seorang lain telah melakukan suatu kesalahan terhadap Bahagian ini, gagal melaporkannya kepada seorang pegawai polis; atau* *(b) ada dalam miliknya apa-apa miliknya apa-apa maklumat megnenai perggerakan atau di mana beradanya buat masa ini atau yang dicadangkan bagi mana-mana orang yang diketahuinya atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai sebagai seorang pengganas,gagal melaporkannya kepada seorang pegawai polis, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun.*	
3e	Kesalahan Keselamatan	**Seksyen 61 Akta Keselamatan Dalam Negeri**	*Tanpa menyentuh kuatkuasa Bab V Kanun Keseksaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau peruntukan-peruntukan mana-mana Ordinan Sabah atau Sarawak yang bersamaan, mengikut mana yang berkenaan, mana-mana orang yang sama ada di dalam atau di luar sautu kawasan keselamatan semasa mana-mana pengisytiharan di bawah seksyen 47 berkuatkuasa cuba melakukan suatu kesalahan terhadap Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan itu dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penalti-penalti yang dipertuntukkan bagi kesalahan itu.*	
3f	Kesalahan Keselamatan	**Seksyen 62 Akta Keselamatan Dalam Negeri**	*Tiada seorang pun, yang mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seorang lain itu telah melakukan sautu kesalahan terhadap Bahagian ini, sama ada di dalam atau di luar suatu kawasan keselamatan, boleh memberi seseorang lain itu apa-apa bantuan dengan tujuan untuk mencegah, menghalang atau mengganggu penangkapan,*	

			pembicaraan atau penghukuman orang itu bagi kesalahan tersebut.	

BIL	PERKARA		PERUNTUKAN	PENERANGAN
4	Kes-Kes Wilayah Persekutuan	**Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.**	*Yang di-Pertuan Agong adalah berkuasa mengampun dan menangguhkan hukuman-hukuman mengenai segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan segala kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan Raja atau Gabenor sesuatu Negeri adalah berkuasa mengampun dan menangguhkan hukuman-hukuman mengenai segalah kesalahan lain yang dilakukan di Negerinya.'*	Kes-kes di mana kesalahan yang dilakukan adalah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya kuasa pengampunan adalah pada Yang di-Pertuan Agong.
5a	Kajian Hukuman Empat Tahun Sekali Sekali	**Peraturan 54 Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Akta Penjara 1995**	*'Pegawai yang Menjaga hendaklah pada tiap-tiap bulan, menyediakan suatu laporan mengenai tiap-tiap banduan yang semasa bulan yang sebelumnya telah menamatkan empat, lapan, dua belas atau enam belas tahun hukumannya dan tiap-tiap tahun berikutnya sesudah itu.* *2) Setiap laporan hendaklah memasukkan* *(a) suatu pernyataan oleh Pegawai yang Menjaga mengenai kerja dan kelakuan banduan itu; dan* *(b) suatu pernyataan oleh Pegawai Perubatan mengenai keadaan mental dan tubuh badan banduan, dengan perujukan khusus terhadap kesan pemenjaraan ke atas kesihatannya* *(3) Pegawai yang menjaga hendaklah, tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tempoh yang disebut dalam subperaturan (1) mengemukakan laporan itu kepada Ketua Pengarah yang hendaklah mencatatkan ke dalam laporan itu apa-apa syor yang ingin dibuatnya dan mengemukakannya kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri yang di dalamnya kesalahan yang baginya banduan itu disabitkan, telah dilakukan atau dianggap telah dilakukan bagi maksud Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan kecuali bahawa -*	Kes-kes yang dibawa oleh Jabatan Penjara bagi banduan-banduan yang dijatuhkan hukuman lebih daripada 7 tahun. Jabatan Penjara akan mengemukakan kes-kes banduan setiap 4 tahun pemenjaraan banduan tersebut iaitu pada 4, 8, 16 tahun pemenjaraan dan setiap tahun selepas 16 tahun pemenjaraan.

BIL	PERKARA		PERUNTUKAN	PENERANGAN
			(a) dalam kes-kes keselamatan; dan *(b) dalam kes seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan oleh Mahkamah Tentera yang ditubuhkan di bawah Akta Angketan Tentera 1972 [Akta 77]* *Laporan itu hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong.* *(4) Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang, bertindak mengikut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan boleh meremitkan baki hukuman banduan itu atau boleh menetapkan masa kemudian bagi kes itu dikemukakan sekali lagi untuk pertimbangannya dan dalam hal itu dia boleh pada bila-bila tarikh yang terkemudian sama ada meremitkan sebahagian atau baki hukuman banduan itu.*	
5b	Banduan yang telah dijatuhkan hukuman penjara.	**Peraturan 113 Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Akta Penjara 1995,**	*Seseorang banduan boleh, jika dikehendakinya , membuat petisyen kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara sabitan atau hukumannya, sekali dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas sabitannya dan petisyen sedemikian yang kedua hendaklah dibenarkan apabila seseorang banduan telah menyempurnakan tiga tahun dari tarikh sabitannya dan sesudah itu petisyen sedemikian hendaklah diberikan pada lat tempoh dua tahun, melainkan jika terdapat apa-apa keadaan. khas yang dianggap oleh Pegawai yang Menjaga perlu dibawa kepada pengetahuan Yang di-Pertuan Agong atau raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.'*	Peraturan 113 tersebut memberikan hak kepada **semua kategori banduan yang telah dijatuhkan hukuman penjara dan/ atau sebatan** untuk mengemukakan petisyen (rayuan pengampunan) kepada Yang di-Pertuan Agong sama ada berhubung dengan sabitan ataupun hukuman yang telah dikenakan kepada banduan sebaik sahaja banduan dikenakan sabitan oleh Mahkamah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam peraturan tersebut.

BIL	PERKARA		PERUNTUKAN	PENERANGAN
				Syarat-syarat adalah berkenaan masa membuat petisyen: (a)Petisyen yang pertama sebaik sahaja disabitkan. (b)Petisyen yang kedua apabila seseorang banduan telah menyempurnakan tiga tahun dari tarikh sabitannya (c)petisyen sedemikian hendaklah diberikan pada lat tempoh dua tahun, melainkan jika terdapat apa-apa keadaan khas yang dianggap oleh Pegawai yang Menjaga perlu dibawa kepada pengetahuan Yang di-Pertuan Agong.
6	Banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati.	**Peraturan 114 Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Akta Penjara 1995,**	*'Seseorang banduan di bawah hukuman mati boleh membuat petisyen dengan bebas kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri , mengikut mana-mana yang berkenaan, semasa berada di bawah hukuman itu.'*	Banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati hanya mempunyai satu peluang sahaja untuk diampunkan oleh YDPA. Jika petisyen tersebut telah diputuskan dan banduan tidak diampunkan maka banduan akan digantung sampai mati selepas perintah tersebut dikeluarkan.

SOALAN NO. 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)

TARIKH : 30 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz (Sri Gading) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah sebab-sebab tidak diwujudkan pegawai pembangunan komuniti untuk membantu pegawai kebajikan masyarakat di daerah-daerah di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan komuniti merupakan satu daripada tugas-tugas yang ditetapkan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat di Jabatan Kebajikan Masyarakat, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh yang demikian, isu tidak mewujudkan Pegawai Pembangunan Komuniti untuk membantu Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah adalah tidak berbangkit. Tugas dan peranan Pegawai Kebajikan Masyarakat dalam membangunkan komuniti antara lain adalah seperti berikut:

1. Membantu untuk meningkatkan status ekonomi bagi mereka yang miskin dan kurang bernasib baik melalui Program Organisasi Komuniti seperti projek sosio-ekonomi, pendidikan sosial dan latihan kemahiran;

2. Menggalakkan penglibatan organisasi sukarela selari dengan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara bagi merealisasikan konsep masyarakat penyayang melalui bimbingan profesional dan bantuan kewangan;

3. Membantu menggerakkan sumber dari sektor korporat/swasta untuk memenuhi keperluan komuniti; dan

4. Menggalakkan kesukarelawanan dengan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti yang berkaitan kebajikan.

Kementerian berpendapat bahawa tugas-tugas yang diberi kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat sedia ada dalam pembangunan komuniti adalah memadai dan dapat memenuhi keperluan semasa di daerah-daerah. Di peringkat pelaksanaan pula, pada masa ini telah wujud jalinan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam aktiviti yang melibatkan pembangunan komuniti.

Soalan No : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)

TARIKH : 30.6.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

(a) mengapakah Kerajaan secara tiba-tiba menukar dasar pembelajaran Sains dan Matematik kepada Bahasa Malaysia setelah membelanjakan wang sebanyak RM2.62 bilion untuk implementasi dasar tersebut; dan

(b) apakah hasil daripada pelaksanaan dasar tersebut dan apakah mekanisme yang digunakan untuk pemberian tender berkaitan dasar yang tersebut di atas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan **belum** menukar dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) kepada bahasa Malaysia. Dasar sedia ada masih digunapakai dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan terus berusaha dengan pelbagai pendekatan dan kaedah agar dasar PPSMI ini mencapai matlamatnya. Kerajaan juga tidak akan membuat keputusan secara terburu-buru jika perlu menukarkan dasar ini. Mana-mana keputusan yang akan dibuat tentang dasar ini adalah berasaskan laporan kajian yang menyeluruh

serta pandangan daripada pelbagai pihak. Oleh itu kajian dan pemantauan akan terus dijalankan bagi menilai tahap pelaksanaan, pencapaian, kemajuan serta mengenalpasti kelemahan program.

(b) Matlamat dasar PPSMI ini dilaksanakan bagi menghasilkan murid yang mampu menguasai serta meneroka pengetahuan sains dan teknologi yang sebahagian besar sumbernya adalah dalam bahasa Inggeris. Secara tidak langsung, apabila murid mengikuti mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, ia turut meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka. Pada masa ini, hasil daripada dasar PPSMI boleh dilihat dari segi pencapaian dan kemampuan murid mengikuti pembelajaran sains dan matematik, serta keupayaan mereka mengakses dan memahami maklumat dalam bahasa Inggeris dari pelbagai sumber.

Berhubung dengan mekanisme pemberian tender dalam melaksanakan dasar PPSMI ini, seperti yang diamalkan kepada pembekalan peralatan yang lain, tender yang dikeluarkan oleh KPM adalah secara terbuka dan sesiapa sahaja yang berkelayakan boleh memohon.

SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS)

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah indikator-indikator yang digunakan oleh kementerian untuk memastikan matlamat miskin tegar akan tercapai pada tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan sasaran membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar ini dapat dicapai menjelang 2010, Kerajaan menggunakan dua indikator utama iaitu peratusan kadar kemiskinan tegar itu sendiri dan bilangan isi rumah miskin tegar yang akan dihapuskan menjelang 2010. Kedua-dua indikator ini dianggarkan berasaskan sejauh mana pendapatan isi rumah tegar melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan. Berasaskan kepada kedua-dua indikator berkenaan, Kerajaan yakin melalui pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan tegar yang sedang rancak dilaksanakan sekarang akan dapat mengeluarkan semua isi rumah miskin tegar daripada kemiskinan tegar menjelang 2010.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	:	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	:	Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
Tarikh Menjawab	:	30 Jun 2008 (Isnin)
Soalan	:	[No. ~~28~~]

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan apakah langkah segera yang telah dibuat untuk menghasilkan "*Alternative Energy*" daripada pokok jarak dan kenaf atau lain-lain tanaman bagi menghasilkan Biofuel.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini belum ada tanaman jatropha diusahakan secara komersil dan mengeluarkan hasil sama ada oleh sektor pekebun kecil atau syarikat-syarikat perladangan di Malaysia. Memandangkan tanaman jatropha mempunyai potensi untuk menghasilkan biodiesel, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah mengambil inisiatif menjalankan penyelidikan bagi meningkatkan daya saing dan merealisasikan potensi tanaman jatropha untuk pengeluaran biodiesel.

Aspek-aspek penyelidikan yang sedang diberi perhatian termasuklah pemilihan *variety* atau klon bagi mendapatkan benih yang mampu mengeluarkan hasil yang tinggi, amalan agronomi dan sistem pengeluaran, kajian musuh dan penyakit, mekanisasi ladang, pembangunan produk sampingan dan adaptasi teknologi pemprosesan biodiesel.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, di Malaysia kajian untuk menggunakan *cellulosic biomass* dari kenaf bagi penghasilan ethanol belum lagi dilaksanakan. Fokus tanaman kenaf adalah untuk menghasilkan gentian semulajadi dan *biomass* yang mesra alam.

Produk berasaskan kenaf mempunyai banyak aplikasi dalam bidang seperti bahan binaan, komponen kereta, biokomposit, pulpa dan kertas, tekstil, biofuel dan makanan ternakan.

No. Soalan : 32

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)**

TARIKH : **30 JUN 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah peserta skim perladangan dan jumlah tanah yang telah dibangunkan oleh FELCRA dan SALCRA di seluruh negeri Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

FELCRA Berhad mula beroperasi di Sarawak pada tahun 1979 dan peranan utama yang dilaksanakan adalah untuk penyatuan dan pemulihkan tanah (P&P). Sehingga kini telah mencapai keluasan berjumlah 22,140 hektar yang melibatkan peserta seramai 4,808 orang. Dalam RMKe-9, FELCRA Berhad telah mensasarkan pembukaan kawasan baru di bawah program P&P seluas 16,253 hektar yang melibatkan peserta seramai 6,053 orang.

SALCRA telah ditubuhkan pada tahun 1976 dan telah memajukan 18 buah estet kelapa sawit dengan keluasan berjumlah 43,719 hektar.
Sehingga kini, seramai 16,480 orang pemilik tanah daripada 461 buah kampung dan rumah panjang telah menyertai projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak SALCRA.

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.06.2008

Puan Teo Nie Ching (Serdang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk membatalkan atau mengurangkan cukai-cukai dan duti-duti yang terlalu tinggi untuk pembelian kereta.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan akan mengkaji semula struktur cukai ini khususnya bagi mempastikan komitmen negara dengan negara ASEAN atau negara yang menandatangani perjanjian perdagangan dua hala dapat dipenuhi.

Mengikut Skim Keseragaman Keutamaan Tarif Berkesan (CEPT) di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Malaysia mempunyai komitmen untuk menghapuskan duti import ke atas kenderaan bermotor (CBU) menjelang 2010.

Di samping itu, Malaysia juga telah menandatangani perjanjian perdagangan dengan beberapa negara di mana kadar duti import ke atas kenderaan bermotor telah ditetapkan seperti berikut :

Bil.	Negara	Kadar dan Tahun Kuatkuasa
i.	FTA ASEAN-Korea	0-5% menjelang 2016
ii.	FTA ASEAN-China	0-5% menjelang 2018
iii.	Japan Malaysian Economic Partnership Agreement (JMEPA)	0% menjelang 2015

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI**
TARIKH	:	**30 JUN 2008 (ISNIN)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.34**

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dengan jumlah pelajar asing dijangka meningkat kepada 50,000 orang menjelang tahun 2010, apakah usaha-usaha Kementerian untuk memantapkan lagi kecemerlangan IPTA dan IPTS untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha bagi memperkasa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) agar aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa akan tercapai. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan pada Ogos 2007, akan dijadikan panduan kepada transformasi pengajian tinggi bagi meningkatkan prestasi IPT tempatan.

Antara langkah yang diambil termasuk:-

i. Memantapkan struktur tadbir urus IPT dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang dinamik, berkualiti dan berintergriti;

ii. Meneruskan pengambilan pelajar ke IPTA menerusi sistem meritokrasi berdasarkan penilaian akademik dan kokurikulum, menyediakan piawai laluan kemasukkan ke IPT bagi menggalakkan fleksibiliti kursus dan kemasukan terbuka;

iii. Menambah baik kurikulum supaya sentiasa relevan dimana Jawatankuasa Kurikulum IPT diberi fleksibiliti untuk mengubal kurikulum dan memastikan pelaksanaan ke arah pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan;

iv. Memantapkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran dengan memantap kaedah pengajaran yang berinovatif, relevan dan dinamik;

v. Memantau, menilai kemajuan prestasi, kualiti kurikulum dan program pengajian secara berterusan dan berkala;

vi. Menambah bilangan penyelidik dan mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi serta menggalakkan IPT menerajui aktiviti R & D bagi penerokaan dan penemuan ilmu baru dan termaju.

vii. Memperluas dan memantapkan jaringan kerjasama global IPT dengan IPT terkemuka luar negara serta kolaborasi antarabangsa dengan syarikat multinasional dan pihak swasta;dan

viii. Mewujudkan program APEX yang merupakan salah satu inisiatif penting yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi memperkasa dan memartabat serta mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi negara. Program APEX akan bertindak sebagai pemangkin kepada keseluruhan sistem pengajian tinggi negara agar bergerak ke arah mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi.

SOALAN NO: 35

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **YB Tan Kok Wai [Cheras]**

TARIKH : **30 Jun 2008**

SOALAN : **YB Tan Kok Wai [Cheras]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Berapakah jumlah perbelanjaan yang Malaysia belanja ke atas import makanan setiap tahun sejak 1998 dan sebaliknya menyatakan jumlah hasil pendapatan Malaysia yang datang daripada eksport keluaran makanan kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Tren nilai import bahan makanan mencatat peningkatan semenjak tahun 1998. Pada tahun 1998, nilai import berjumlah RM10.4 bilion, manakala pada tahun 2007 nilai import meningkat kepada RM23.37 bilion iaitu dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 10.5%. Antara import bahan makanan yang tinggi berdasarkan tren 3 tahun terakhir iaitu semenjak tahun 2005, ialah kopi, koko, teh dan rempah, bahan makanan untuk haiwan, bijirin dan sediaan bijirin dan hasil tenusu. Kumpulan-kumpulan bahan makanan tersebut menyumbang lebih daripada 50% daripada jumlah keseluruhan import bahan makanan negara setiap tahun.

Eksport bahan makanan negara juga turut meningkat sejak tahun 1998. *Eksport bahan makanan mencatatkan nilai sebanyak RM13.76 bilion* pada 2007 berbanding RM6.15 bilion pada tahun 1998. Secara puratanya, eksport bahan makanan negara telah mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 10.6% semenjak tahun 1998 dan penyumbang terbesar adalah produk makanan yang diproses dan produk perikanan iaitu ikan segar/ sejuk/ beku, krutasea, moluska serta sediaan produk perikanan. Produk dalam kumpulan kopi, koko, teh dan rempah juga dieksport dengan nilai yang tinggi iaitu RM4.07 bilion pada tahun 2007 berbanding RM1.09 bilion pada tahun 2002.

SOALAN NO. (36)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 30 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan boleh dilakukan dengan segera bagi menangani masalah rumah terbengkalai yang telah memakan masa sehingga melebihi sepuluh tahun sehingga menyusahkan pembelinya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Usaha-usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai merupakan suatu proses memakan masa dan rumit khasnya bagi projek perumahan yang telah terbengkalai melebihi 10 tahun. Diantara proses-proses yang perlu dilaksanakan ialah pihak-pihak pelaksana pemulihan sama ada pemaju baru, pengurus dan penerima (Receiver and Manager), likuidator, Jabatan Insolvensi atau SPNB perlu mengesahkan maklumat-maklumat terakhir berhubung dengan projek seperti status tanah, rekod pembeli serta maklumat teknikal projek sebelum perlaksanaan pemulihan boleh dimulakan. Di samping itu, sebarang cadangan pemulihan perlu mendapat persetujuan semua pihak terlibat.

Menyedari hakikat tersebut, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memainkan peranan utama sebagai pemudahcara bagi membolehkan usaha-usaha pemulihan ini

dipercepatkan dan semua pihak yang terbabit dapat mengadakan rundingan secara bersemuka dan membuat keputusan dengan lebih teratur berasaskan *'win-win situation'*, dengan izin.

Mulai tahun 1993 sehingga 2007 hasil usaha KPKT selaku pemudahcara dengan kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad, Jabatan Insolvensi Malaysia, likuidator, pemaju baru mahupun pemaju asal, sebanyak 118 projek terbengkalai melibatkan 23,209 pembeli telah berjaya dipulih dan disiapkan dengan CFO. Disamping itu, 23 projek terbengkalai sedang dalam pembinaan melibatkan 9,399 pembeli.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Julai 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	**:**	**Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]**
TARIKH	**:**	**30 Jun 2008 (Isnin)**
SOALAN	**:**	**37**

Dato' Abu Bakar BinTaib [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah wujud perancangan untuk menyediakan lebih banyak penerbangan terus dari destinasi luar negara ke Langkawi dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke Langkawi.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan penerbangan terus dari destinasi luar negara ke semua lapangan terbang di Malaysia termasuk Langkawi melalui pemberian insentif, promosi dan pemberian hak trafik liberal kepada syarikat-syarikat penerbangan asing. Walau bagaimanapun, keputusan untuk mengadakan penerbangan terus dari destinasi luar ke Malaysia termasuk ke Langkawi adalah tertakluk kepada viabiliti komersial syarikat-syarikat penerbangan berkenaan.

NO. SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN :

Y.B. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Petronas terpaksa berbelanja terlalu tinggi apabila menjemput perunding pihak luar untuk membuat penilaian prestasi kerja dan kenaikan pangkat kakitangannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penilaian prestasi kerja bagi kakitangan-kakitangan PETRONAS serta penilaian kenaikan pangkat kakitangan-kakitangan PETRONAS ke jawatan-jawatan pengurusan dijalankan sendiri oleh pihak pengurusan PETRONAS. Pihak PETRONAS tidak mengambil khidmat mana-mana perunding luar untuk melakukan penilaian prestasi tersebut.

Khidmat perunding luar hanya diguna untuk menyediakan sistem penilaian dan kriteria-kriteria sebagai penanda aras (*benchmark*) untuk membolehkan pihak PETRONAS membuat perbandingan prestasi kakitangannya dengan kakitangan syarikat-syarikat minyak dan gas antarabangsa yang lain. Pemakaian kaedah seperti ini merupakan amalan biasa dalam industri.

SOALAN NO. 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)

TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN:

PUAN Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

a) Sama ada dakwat kekal untuk kegunaan di kuku bagi kegunaan Pilihan Raya Ke-12, telah tidak digunakan, dan dijual sebelum tarikh lupusnya; dan

b) Berapakah harganya dan siapakah pembelinya.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwat kekal untuk kegunaan di kuku yang tidak dapat digunakan semasa Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lepas masih di dalam simpanan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia. Ianya belum dapat dijual lagi kerana pihak-pihak yang berminat untuk membelinya belum lagi membuat keputusan.

b) Oleh kerana pihak yang berminat untuk membeli dakwat kekal tersebut belum lagi membuat keputusan, maka SPR tidak dapat memaklumkan harga jualan dan pihak yang membelinya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:40

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN	:	JAWAB LISAN
DARIPADA	:	TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]
TARIKH	:	30 JUN 2008 (ISNIN)
SOALAN	:	**TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

Bagaimanakah status kedudukan KADA Baloh Negara di Jajahan Pasir Puteh sebagaimana yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dua tahun yang lalu. Bolehkah dinyatakan sama ada objektif dan pelaksanaan projek berkenaan mencapai matlamat dan sekiranya tidak, apa sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

KADA Baloh Negara merupakan satu konsep di mana hasrat untuk menjadikan KADA sebagai pusat pengeluaran makanan Negara yang selaras dengan perancangan kerajaan untuk mewujudkan Terminal Makanan Negara di Kelantan. Melalui konsep ini KADA memberi penekanan kepada meningkatkan pengeluaran padi sekali gus akan dapat meningkatkan pendapatan petani.

Secara umumnya pelancaran konsep tersebut telah memberikan impak positif kepada hasil pengeluaran padi di Jajahan Pasir Puteh khususnya. Di jajahan Pasir Puteh, KADA telah mengadakan Ladang Merdeka iaitu di Kg. Jelor Ladang Merdeka. Ladang Merdeka ini ialah merupakan satu konsep di mana petak-petak sawah yang kecil dan mempunyai saiz yang tak ekonomik akan disatukan dengan saiz yang lebih besar dan seragam yang telah ditetapkan oleh pihak KADA dengan mendapat kebenaran pemilih tanah terlebih dahulu. Sawah-sawah yang telah diseragamkan saiznya ini akan ditanam dengan padi mengikut kaedah yang tersusun dan diletakkan di bawah pengurusan berpusat dan dikendalikan oleh seorang pengurus ladang yang mahir. Ini bagi memastikan pengeluaran padi dapat ditingkatkan dan penggunaan tanah dimaksimumkan.

Di samping itu juga kawasan KADA Pasir Puteh telah pun mengalami perubahan dari segi peningkatan keluasan tanaman padi dengan pertambahan mini estet padi yang dikendalikan di bawah Pertubuhan Peladang Cherang Rotan dan Pertubuhan Peladang Bukit Jawa.

NO. SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]**
TARIKH	:	**30 JUN 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) berapa caj yang dikenakan untuk mendapat sijil halal daripada JAKIM dan berapakah perolehan JAKIM melalui pensijilan halal bagi setiap tahun sejak 1998 - 2008; dan

(b) apa rasional melantik HDC untuk pensijilan halal dan namakan hotel-hotel yang mendapat pensijilan halal tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

JAKIM mengenakan caj perkhidmatan bagi permohonan mendapatkan sijil halal Malaysia mengikut saiz syarikat yang memohon iaitu:

- bagi industri kecil yang memperoleh nilai jualan tahunan kurang daripada RM500,000 dan mempunyai pekerja kurang daripada 50 orang, caj perkhidmatan pensijilan halal adalah sebanyak RM100.00;
- bagi industri sederhana yang memperoleh nilai jualan tahunan antara RM500,000 hingga RM25 juta dan jumlah pekerja kurang daripada 150 orang, caj perkhidmatan yang dikenakan ialah RM400.00; dan

- bagi syarikat multinasional yang memperoleh nilai jualan tahunan melebihi RM25 juta dan jumlah pekerja melebihi 150 orang, caj perkhidmatan pensijilan adalah RM700.00.

Perolehan JAKIM melalui pensijilan halal bagi tempoh September 2002 sehingga Mei 2008 adalah berjumlah RM4.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Rasional pelantikan HDC adalah bagi menerajui pembangunan industri halal Malaysia di peringkat dunia serta mempromosikan kelebihan dan kepakaran Malaysia dalam membangunkan sistem pensijilan, melaksanakan latihan, sistem kualiti dan piawaian halal. Pada masa ini, pensijilan halal Malaysia masih dilaksanakan oleh Bahagian Halal Hab JAKIM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sijil halal yang dikeluarkan adalah berasaskan kepada penilaian yang dibuat ke atas dapur restoran sesebuah hotel tersebut. Maklumat mengenai senarai hotel yang mendapat sijil halal bolehlah diakses melalui portal halal di laman web JAKIM, iaitu www.islam.gov.my.

NO SOALAN : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)**
TARIKH	**:**	**30 JUN 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah kos sebenar PLKN dari awal permulaan program dari tahun 2004 dan adakah Pelatih yang lemah dalam akademik diberi keutamaan untuk berkhidmat dalam badan beruniform (Kerajaan) serta sejauh manakah PLKN membantu mengurangkan gejala sosial remaja yang semakin meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kos untuk melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak diperkenalkan pada tahun 2004 sehingga 31 Mei 2008 adalah sebanyak RM2.66 billion.

Setakat ini Kerajaan tidak menetapkan sebarang dasar untuk melantik peserta PLKN berkhidmat dalam pasukan beruniform. Pelantikan sebagai anggota beruniform bergantung kepada syarat dan kelayakan yang ditetapkan oleh badan-badan beruniform berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

PLKN adalah bertujuan untuk membangunkan modal insan secara holistik dan mempunyai pencapaian akademik serta kemahiran seiring dengan sahsiah diri yang kukuh. Oleh itu, bagi mencapai matlamat PLKN tersebut, pelatih-pelatih telah diterapkan dengan modul-modul seperti Pembinaan Karakter, Kenegaraan, Latihan Fizikal dan Komuniti. Di akhir latihan yang dijalani, para pelatih akan dapat menghayati semangat kecintaan kepada Negara, semangat kepimpinan, menerapkan nilai-nilai murni, semangat kesukarelaan dan

sifat toleransi di antara pelbagai kaum dan agama. Adalah diyakini masalah gejala sosial dapat ditangani kerana pelatih-pelatih telah diterapkan pembentukan diri yang mantap dan tidak boleh dipengaruhi oleh gejala-gejala negatif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]**
TARIKH	:	**30 Jun 2008 (Isnin)**
SOALAN	:	**43**

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan di bawah undang-undang apakah MAB dan MAS dibenarkan oleh Kementerian untuk memberikan kemudahan kredit melebihi RM110 juta dan RM85 juta kepada AirAsia, sebuah syarikat swasta dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh MAB dan MAS untuk mendapatkan semula hutang-hutang tersebut daripada AirAsia.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Pemberian kredit oleh Malaysia Airports Holding (MAHB) kepada AirAsia adalah tertakluk kepada polisi kredit syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarahnya. Berdasarkan polisi kredit syarikat, tiada had ditetapkan untuk sebarang kemudahan kredit yang diberikan kepada syarikat-syarikat penerbangan. Walau bagaimanapun, AirAsia diberi tempoh kredit selama 30 hari dan caj faedah dikenakan ke atas pembayaran lewat sebanyak 1% sebulan.

Bagi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) pula, kemudahan kredit yang diberikan kepada AirAsia adalah bagi tujuan perkhidmatan udara luar bandar (*Rural Air Services* – RAS) untuk memastikan pelaksanaan RAS berjalan lancar. Kredit yang diberi oleh MAS adalah dari segi "*maintenance*" pesawat FAX.

Bagi mendapatkan semula hutang-hutang tersebut daripada AirAsia, MAS dan MAHB sedang mengadakan perbincangan dengan AirAsia dan Kementerian Kewangan.

No 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah berkesan yang telah/akan dijalankan untuk menarik balik mahasiswa/mahasiswi yang belajar di luar negara supaya berkhidmat di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Setiap pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dikehendaki menandatangi kontrak perjanjian biasiswa sebaik sahaja mereka bersetuju untuk ditaja oleh pihak JPA bagi melanjutkan pengajian mereka sama ada di dalam atau luar negara.

Sebagaimana yang telah ditetapkan dalam kandungan kontrak perjanjian tersebut, pelajar yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya hendaklah pulang melapor diri dalam tempoh 30 hari dan mendaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi urusan pelantikan ke perkhidmatan awam.

Sekiranya mereka ingkar atau melanggar sebarang syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian tersebut, mereka akan dikenakan tuntutan gantirugi seperti yang tertera dalam perjanjian. Dalam tempoh 2 bulan, 3 notis tuntutan akan dikeluarkan oleh pihak JPA kepada pelajar dan penjamin bagi urusan tuntutan gantirugi tersebut. Sekiranya mereka masih tidak mengendahkan notis tersebut, nama-nama pelajar dan penjamin ini akan dipanjangkan ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan undang-undang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	**:**	**Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]**
TARIKH	**:**	**30 Jun 2008 (Isnin)**
SOALAN	**:**	**45**

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah persaingan tambang murah antara Sistem Penerbangan Malaysia dan AirAsia memberi faedah kepada orang ramai. Adakah ini mewujudkan persaingan sihat.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan in bersama-sama soalan pada tarikh 7 Julai 2008 daripada Y.B. Sekijang dan soalan pada 10 Julai 2008 daripada Y.B. Kota Belud kerana wujud persamaan bagi soalan-soalan yang dikemukakan.

Persaingan tambang murah antara Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia adalah suatu persaingan yang sihat kerana persaingan ini mendatangkan faedah kepada penumpang-penumpang. Penumpang-penumpang kini mempunyai lebih banyak pilihan dalam memilih pelan perjalanan yang mampu mereka nikmati.

SOALAN NO: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**
RUJUKAN	:	**1072**

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian boleh memastikan bahawa pengambilan rekrut (recruitment exercise) dalam pasukan polis yang sudah diumumkan ramai bilangannya dari negeri Sabah akan diberi kuota yang cukup dan penempatan tugas juga ditentukan di Negeri Sabah untuk menguatkan lagi semangat bertugas mereka yang lebih berkesan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B dari Keningau yang mengemukakan pertanyaan.

Sehingga kini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak menetapkan sebarang kuota mengikut negeri bagi penempatan pegawai dan anggota polis untuk bertugas di Sabah. Walau bagaimanapun, PDRM sentiasa mengambil perhatian mengenai keperluan penempatan pegawai dan anggota polis berdasarkan kepada Peraturan Pertukaran, Tukar ganti dan Gantian di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara dan Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkaitan dengan Panduan Pertukaran Pegawai Awam. Di samping itu juga, penempatan anggota polis turut berasaskan kepada keperluan dan kekosongan semasa serta integrasi.

No: 47.

SOALAN 47 ✓

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Razali Haji Ibrahim (Muar)

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN : **YB Razali Haji Ibrahim (Muar)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan dan perkembangan terkini terhadap tuntutan hak milik South Ledge berikutan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang menyatakan kedaulatan South Ledge adalah milik negara yang berperairannya terletak bentuk maritim itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Marang dan YB Muar di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan. Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh YB Marang untuk dijawab pada 26 Jun 2008 dan YB Muar untuk dijawab pada 30 Jun 2008,

memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama.

2. Walaupun kita amat kecewa dengan penghakiman ICJ pada 23 Mei 2008 yang menyebelahi Singapura berhubung Batu Puteh, kita bersyukur kerana telah diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sebagai mengekalkan hak milik dan kedaulatan ke atas Batuan Tengah (juga nampaknya Tubir Selatan). Memandangkan kedaulatan Tubir Selatan ditentukan berdasarkan perairan wilayah negara di mana terletaknya entiti tersebut (*sovereignty over South Ledge belongs to the state in the territorial waters in which it is located),* nampaknya ia memihak kepada Malaysia berasaskan kepada lokasinya di dalam perairan Batuan Tengah yang telah disahkan sebagai hak milik Malaysia.

3. Ini bermakna Singapura tidak akan dapat lagi menjalankan apa-apa tindakan atau kegiatan sewenang-wenangnya secara unilateral di kawasan maritim tersebut. Dengan penghakiman ICJ ini, Singapura tiada apa-apa alasan lagi untuk menghalang Malaysia daripada menguatkuasakan apa-apa hak-hak kedaulatannya terhadap Batuan Tengah (juga nampaknya Tubir Selatan), termasuk mendudukinya, menjalankan penyelidikan, kajian cuaca, dan lain-lain lagi. Langkah-langkah yang akan diambil Malaysia ke atas Batuan Tengah sedang dikaji dan diteliti oleh agensi-agensi berkaitan. Sebagai langkah awal,

kerajaan telahpun membina monumen stesen titik pangkal di Batuan Tengah tersebut.

Disediakan oleh : .....

Haznah Md. Hashim

KPS Jabatan Perancangan Dasar & Strategi

Disemak / Diluluskan oleh: .....

Ambassador Dr Fauziah Mohd Taib

Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Dasar & Strategi

SOALAN NO: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**
RUJUKAN	:	**1073**

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab status agama seseorang tidak dimasukkan dalam MyKad.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, catatan agama yang dicetak di atas permukaan hadapan MyKad hanya dikhususkan bagi pemegang MyKad yang beragama Islam sahaja. Manakala maklumat agama bagi lain-lain agama disimpan di dalam cip MyKad dan boleh dibaca melalui alat pembaca. Alasan catatan agama Islam dicetak di atas MyKad adalah untuk memudahkan pihak agensi penguatkuasa mengetahui status agama pemegangnya semasa penguatkuasaan dijalankan sama ada pemegang tersebut beragama Islam atau bukan Islam. Di samping itu penentuan cetakan agama atas permukaan MyKad atau disimpan di dalam cip juga ditetapkan di bawah Jadual 1A Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

No: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MOHAMED HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG)

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN : ~~45~~ 49

Dr. Mohamed Hayati bin Othman (Pendang) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kemalangan berlaku di atas lebuh raya, jumlah kematian dan di lebuh raya mana serta punca kemalangan berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kemalangan di lebuh raya bagi tahun 2007 adalah sebanyak 17,324 kes atau 4.8% daripada jumlah keseluruhan kemalangan jalan raya iaitu sebanyak 363,319 kes pada tahun tersebut. Sementara itu, jumlah kematian adalah 454 kes atau 7.2% jumlah keseluruhan kematian kemalangan jalan raya iaitu sebanyak 6,287 kes pada tahun yang sama. Manakala Lebuh Raya Utara-Selatan telah mencatatkan jumlah kemalangan yang tertinggi iaitu 8,239 kes dengan jumlah kematian sebanyak 363 kes berbanding lain-lain lebuh raya.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat tiga faktor yang menjurus kepada kemalangan jalan raya iaitu faktor pemandu, keadaan jalan dan keadaan kenderaan. Hasil kajian daripada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) mendapati 67% kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh faktor manusia. Sementara 33% disebabkan gabungan faktor kenderaan, jalan raya dan persekitaran. Faktor-faktor ini amat berkait rapat antara satu dengan yang lain dalam sesuatu kemalangan jalan raya. Walau bagaimanapun, faktor pemandu seperti memandu terlalu laju, memotong secara berbahaya, tidak mengikut lorong yang sepatutnya, menggunakan lorong kecemasan, memotong barisan dan kepenatan (*fatigue*)

merupakan faktor utama yang menjadi punca kemalangan jalan raya.

Sementara itu, faktor keadaan jalan seperti kegagalan penghadang jalan, terdapat halangan seperti pokok dalam lingkungan jarak 9 meter di zon lapang (*clearence zone*) dan kenderaan yang diletakkan di lorong kecemasan turut menyumbang kepada kemalangan jalan raya.

Tuan Yang Dipertua,

Di samping faktor-faktor di atas, keadaan kenderaan seperti penggunaan tayar terpakai, penggunaan tayar yang tidak menepati piawaian atau tayar haus, kegagalan sistem brek, pembinaan badan kenderaan yang tidak mengikut piawaian, kereta potong-sambung dan penggunaan alat ganti yang tidak berkualiti atau palsu juga merupakan penyumbang ketiga kepada kemalangan jalan raya. Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan MIROS sentiasa mengambil langkah intervensi termasuk merawat jalan-jalan yang kerap berlaku kemalangan bagi mengelakkan kemalangan jalan raya. Di samping itu, JKJR telah pun mempertingkatkan kempen-kempen keselamatan jalan raya bagi mengurangkan kemalangan yang berpunca daripada faktor pemandu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN RAIME BIN UNGGI [TENOM]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**30 JUN 2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**NO. 50**

SOALAN

YB. Tuan Raime bin Unggi minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan jumlah menara pemancar telekomunikasi yang telah didirikan di kawasan bandar dan luar bandar di seluruh negara sejak tahun 2005, 2006, 2007 dan enam bulan pertama tahun 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Semenjak tahun 2005 sehingga tahun 2008, sebanyak 1,765 menara telah dibina di bawah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(SKMM) di bawah Program Time 1, Time 2 dan Time 2 *Expansion* yang bertujuan untuk mempertingkatkan liputan perkhidmatan selular di seluruh negara.

Pelaksanaan program-program ini telah berjaya meningkatkan kadar liputan populasi negara kepada 92%, iaitu peningkatan sebanyak 10% sebelum program ini dimulakan pada tahun 2004.

****

LAMPIRAN I
SOALAN 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI DATO' KHALID BIN IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)**

TARIKH : **30 JUN 2008.**

SOALAN : **Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:**

Apakah justifikasi Kementerian untuk tidak memilih wakil-wakil rakyat dari Pakatan Rakyat yang menjadi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri (Exco) yang bertanggungjawab tentang pelancongan di negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat untuk mengetuai ' Tourism Action Councils' mewakili negeri masing-masing. Adakah pihak Kementerian ada membuat kajian bahawa pelancong luar Negara bersifat politik dalam memilih destinasi mereka di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) adalah agensi dibawah Kementerian Pelancongan Malaysia. Agensi ini ditubuhkan bagi melaksanakan program dan dasar Kementerian Pelancongan Malaysia di negeri-negeri.

Jawatankuasa MTPN diwujudkan bagi merancang, menyelaras dan melaksanakan program dan dasar-dasar tersebut. Keahlian Jawatankuasa MTPN buat masa ini tidak melibatkan wakil-wakil rakyat dan Pakatan Rakyat dimana keahlian jawatankuasa dianggotai oleh pegawai-pegawai jabatan/agensi kerajaan negeri termasuk wakil-wakil NGO pelancongan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

[JELUTONG]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : **30 JUN 2008 (ISNIN)**

SOALAN : **NO. 52**

SOALAN

YB. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah hasil rundingan dengan Syarikat-syarikat Penjana Tenaga Bebas (IPP) untuk mengatasi isu bayaran caj kapasiti yang terlalu tinggi. Apakah Internal Rate of Return (IRR) bagi YTL Power, Powertek, PD Power, Genting Sanyen dan Malakoff Segari sejak mereka beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan pada bulan Mei 2006 telah memutuskan supaya rundingan semula diadakan dengan pihak penjana bebas (IPP) untuk mencari jalan bagi mengurangkan caj

kapasiti yang perlu dibayar oleh TNB kepada IPP. Asas-asas dan hala tuju rundingan yang telah dikenal pasti adalah dengan cara mengadakan Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Pembelian Tenaga (dengan izin *Power Purchase Agreement* – PPA) yang telah dimeterai di antara pihak IPP dengan TNB.

Walau bagaimanapun, usaha berkenaan tidak dapat dimuktamadkan kerana terma-terma yang terkandung dalam PPA bagi setiap IPP adalah berbeza-beza dan analisis ke atas tawaran yang dibuat oleh IPP generasi pertama menunjukkan bahawa ia tidak menguntungkan Kerajaan atau TNB dalam jangka masa panjang. Selain itu, sebarang tindakan atau usaha yang dilihat akan mengurangkan keuntungan IPP boleh memberikan implikasi-implikasi yang negatif kepada pasaran saham negara. Oleh itu, telah memutuskan untuk mengkaji semula agar pendekatan ini supaya keadaan ekonomi negara tidak dijejas..

Justeru itu, Kerajaan telah berusaha dengan pendekatan lain, iaitu mewajibkan pihak IPP untuk meningkatkan peratus sumbangan kepada tabung Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) yang telah diwujudkan sejak tahun 1997 bagi membangunkan industri bekalan elektrik di negara ini. Pada masa ini, setiap IPP termasuk Tenaga Nasional Berhad diminta menyumbang 1% daripada jumlah hasil tahunan yang diaudit ditolak kos bahan bakar bagi tahun sebelumnya kepada dana AAIBE. Sumbangan ini dibuat secara pentadbiran dan tidak boleh dikuatkuasakan melalui Akta Bekalan Elektrik melainkan ia dipinda.

Tuan Yang Dipertua,

Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan supaya rundingan PPA dengan pihak IPP disambung semula dan diterajui oleh TNB sebagai pihak yang menanda tangani PPA dengan IPP. Sehubungan dengan ini, TNB telah pun menjalankan kajian ke atas terma-terma PPA dan telah mengenalpasti *"areas of improvement"* di mana pihak IPP dapat membantu di dalam mengurangkan beban bayaran caj kapasiti yang tinggi. Buat masa ini, pihak TNB telah pun memulakan rundingan dengan IPP–IPP berkenaan dan dijangka dapat diselesaikan pada akhir tahun ini.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, *Internal Rate of Return* (IRR) bagi sesuatu projek IPP adalah berdasarkan terma-terma komersil seperti yang terkandung dalam perjanjian yang telah dimeterai di antara TNB dan IPP berkenaan. Memandangkan Kementerian tidak dibekalkan dengan penyata aliran tunai (*cashflow statement*) IPP, maka Kementerian ini tidak dapat membekal maklumat mengenai IRR projek-projek yang terlibat.

****

SOALAN NO: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 30 JUN 2008

RUJUKAN : 1075

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kadar indeks jenayah di Seremban sepanjang tahun 2007 dan 2008 berbanding tahun-tahun sebelumnya, jenis jenayah, jumlah tangkapan dan langkah-langkah pencegahan yang diambil.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Daripada indeks jenayah, daerah Seremban telah mencatatkan sebanyak 4,975 kes pada tahun 2006. daripada jumlah tersebut *sebanyak 1,931 kes telah diselesaikan iaitu sebanyak 38.81% yang melibatkan jumlah tangkapan sebanyak 1,335 orang.*

Pada tahun 2007 pula, sebanyak 4,948 kes dicatatkan di Seremban di mana 1,740 kes telah diselesaikan iaitu 35.17% yang melibatkan jumlah tangkapan sebanyak 1,216 orang. Jika dibandingkan indeks jenayah tahun 2006 dan 2007, didapati terdapat penurunan sebanyak 27 kes iaitu sebanyak 0.54%.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari bulan Januari sehingga bulan Mei 2008, indeks jenayah di Seremban telah mencatatkan sebanyak 2,154 kes berbanding dengan tempoh masa yang sama tahun 2007 iaitu 1,605 kes. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 549 kes iaitu 34.21%. Walau bagaimanapun, jumlah kes selesai bagi tempoh masa yang sama meningkat dari 589 kes pada tahun 2007 kepada 824 kes pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Indeks Jenayah terbahagi kepada dua kategori iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda. Bagi kategori jenayah kekerasan, di bawahnya terdapat kesalahan jenayah bunuh; rogol; samun berkawan bersenjata api; samun berkawan tanpa senjata api; samun bersenjata api; samun tanpa senjata api dan mendatangkan kecederaan. Manakala bagi kategori jenayah harta benda pula, kesalahan jenayah di bawahnya adalah curi; curi lori

atau van; curi motokar; curi motosikal; ragut; pecah rumah dan curi siang hari serta pecah rumah dan curi malam hari.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan dan PDRM sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu dan kaedah penyelesaian secara menyeluruh bagi menangani kes-kes jenayah. Antara langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dan PDRM bagi mengatasi jenayah adalah dengan mengambil tindakan pencegahan yang berterusan dengan bantuan masyarakat; mempertingkatkan pencarian maklumat risikan; mempertingkatkan mutu penyiasatan; mencegah kemasukan serta menangkap pendatang-pendatang asing tanpa izin yang berada di negara ini untuk di hantar balik ke negara masing-masing; meningkat kesedaran terhadap masyarakat mengenai tanggungjawab mereka untuk bersama memerangi jenayah dengan memperluaskan Program Skim Kepolisan Masyarakat seperti 'Rakan Cop' dan Skim Pengawasan Kejiranan seperti Rukun Tetangga yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara pihak polis dan masyarakat.

Di samping itu, Kerajaan dan PDRM telah meluluskan lebih banyak lagi peruntukan untuk menjadikan rumah kedai atau rumah perumahan sebagai balai atau pondok polis sementara dan membina lebih banyak lagi balai dan pondok polis di kawasan yang dikenal pasti kerap berlakunya jenayah. PDRM telah bekerjasama dengan setiap PBT negeri untuk mengkaji kawasan-kawasan yang sesuai dan perlu dipasang CCTV.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan jumlah keanggotaan PDRM dengan meluluskan 60,000 perjawatan polis. Bagi tujuan pengisian perjawatan tersebut, PDRM telah mengambil langkah-langkah dengan mewujudkan pusat-pusat latihan baru dan menawarkan jawatan kontrak kepada anggota dan pegawainya yang bakal bersara untuk menambah kekuatan PDRM.

SOALAN NO. 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TIONG THAI KING (LANANG)

TARIKH : 30 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-

(a) adakah Kerajaan mempertimbangkan agar meninjau kadar bantuan kebajikan kepada golongan kurang upaya dan miskin; dan

(b) jika ada, bagaimana dan berapa kadar yang dinaikkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyemak kadar bantuan yang diberikan kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari semasa ke semasa bukan sahaja bantuan kepada orang kurang upaya, tetapi juga semua jenis bantuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menaikkan kadar serta mewujudkan skim bantuan baru bagi skim-skim bantuan seperti berikut:-

(a) Elaun Pekerja Cacat (EPC) – kadar lama RM200 telah dinaikkan kepada RM300 seorang sebulan mulai Januari 2008. Kadar kelayakan pendapatan OKU yang bekerja pula telah dinaikkan kepada RM1,200.00 sebulan mulai Jun 2008;

(b) Bantuan Orang Tua (BOT) – kadar lama RM200 telah dinaikkan kepada RM300 seorang sebulan mulai Januari 2008; dan

(c) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar – diperkenalkan mulai Januari 2008 dengan kadar RM300 seorang sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan kadar dan pewujudan skim bantuan baru ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri di dalam Ucapan Bajet 2008 pada 7 September 2007.

NO. SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai)
TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Ting meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan ahli profesional yang didaftarkan mengikut profesion dan kaum sehingga 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ahli profesional yang berdaftar dengan badan profesional masing-masing terdiri daripada lapan (8) jenis profesion iaitu jurutera, akauntan, peguam, juruukur, arkitek, doktor, doktor gigi dan doktor veterinar.

Sehingga 31 Disember 2007 sejumlah 125,794 orang telah berdaftar sebagai ahli profesional. Daripada jumlah ini, seramai 51,917 orang adalah Bumiputera; 58,199 orang Cina; 11,579 orang India dan 4,099 orang adalah Lain-lain kaum.

Mengikut profesion masing-masing, bilangan jurutera ialah 58,709 orang dengan 28,177 orang Bumiputera; 26,856 orang kaum Cina; 3,104 orang kaum India dan 632 orang Lain-lain kaum.

Bilangan akauntan ialah 23,664 orang yang terdiri daripada 5,749 orang Bumiputera; 16,508 orang kaum Cina; 1,146 orang kaum India dan 261 orang Lain-lain kaum.

Bilangan peguam adalah seramai 13,942 orang di mana 5,178 orang adalah Bumiputera; 5,462 orang Cina; 2,929 orang India dan 373 orang Lain-lain kaum.

Bilangan juruukur adalah 3,364 orang dengan 1,880 orang adalah Bumiputera; 1,428 orang Cina; 45 orang India dan 11 orang Lain-lain kaum.

Manakala bagi arkitek, daripada sejumlah 3,084 orang yang berdaftar dalam profesion ini, 1,459 orang adalah Bumiputera; 1,569 orang Cina; 49 orang India dan 7 orang Lain-lain kaum.

Terdapat seramai 18,284 orang berdaftar sebagai doktor dengan pecahan 7,439 orang Bumiputera; 4,780 orang Cina; 3,426 orang India dan 2,639 orang Lain-lain kaum.

Bilangan doktor gigi pula ialah 3,214 orang dengan 1,512 orang adalah Bumiputera; 1,102 orang Cina; 534 orang India dan 66 orang Lain-lain kaum.

Bilangan doktor veterinar adalah 1,533 orang dengan pecahan 583 orang Bumiputera; 494 orang Cina; 346 orang kaum India dan selebihnya 110 orang Lain-lain kaum.

Maklumat Tambahan

SENARAI BADAN – BADAN PROFESIONAL

1) Majlis Peguam
2) Mahkamah Tinggi / Sesyen / Majistret Sabah & Sarawak
3) Institut Akauntan Malaysia
4) Lembaga Jurutera Malaysia
5) Lembaga Arkitek Malaysia
6) Majlis Perubatan Malaysia
7) Majlis Pergigian Malaysia
8) Majlis Veterinar Malaysia
9) Lembaga Juruukur Sabah
10) Land Surveyors Board Sarawak
11) Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
12) Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia

NO. SOALAN : 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**
SOALAN	:	**DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan bagaimana dan kepada siapa peruntukan RM1 juta bagi tahun 2007 dan RM2 juta untuk tahun 2006 diagihkan di kawasan Parlimen Sg. Siput, Perak.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2006 sebanyak 274 projek bernilai RM2.0 juta telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Sungai Siput, manakala bagi tahun 2007 sebanyak 241 projek dengan kos peruntukan RM1.0 juta telah dibelanjakan di kawasan Parlimen ini. Bilangan dan nilai projek mengikut kategori/penerima faedah bagi kawasan Parlimen Sungai Siput adalah seperti berikut:

Peruntukan Khas [Sungai Siput] mengikut Kategori Penerima

BIL	KATEGORI PENERIMA		TAHUN 2006		TAHUN 2007	
			Bil Projek	Amaun (RM)	Bil Projek	Amaun (RM)
1	**Infrastruktur Awam**					
	a	Masjid / Surau			1	3,500.00
	b	Dewan / Balairaya	7	154,500.00	8	46,000.00
	c	Lain-lain	11	181,850.00	13	39,000.00
2	**Infrastruktur Asas**					
	a	Jalan	2	47,000.00		
	b	Jambatan / Titi				
	c	Lain-lain	17	182,000.00		
3	**Pusat Perkhidmatan**					
4	**PIBG**		6	71,500.00	2	7,000.00
5	**OKU**				1	5,000.00
6	**JKKK**		96	647,400.00	77	273,500.00
7	**Persatuan Penduduk**		21	201,950.00	30	115,300.00
8	**Bantuan PPRT**		7	36,500.00	1	3,000.00
9	**Program Kemasyarakatan**		77	315,800.00	44	145,500.00
10	**NGO dan lain-lain**		30	161,500.00	64	362,200.00
	JUMLAH		274	2,000,000.00	241	1,000,000.00

LAMPIRAN J

SOALAN 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**
SOALAN	:	**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:**

Berapakah jumlah warga Negara asing yang telah mengikuti program "Malaysia is My Second Home" mengikuti pecahan kerakyatan dan apakah kebaikan atau faedah yang kita telah perolehi setakat ini melalui dasar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak Program *Malaysia My Second Home* (MM2H) dilancarkan pada tahun 2002 hingga Mei 2008, Malaysia telah berjaya menarik seramai **10,856 orang** berbanding seramai **828** orang peserta dari tahun 1996-2001 di bawah *'Silver Hair Programme'*. Sepanjang program ini dilaksanakan, peserta-peserta program daripada 91 negara telah menyertai program ini. Penyertaan tertinggi adalah daripada negara-negara China (2,109), Bangladesh (1,606), United Kingdom (1,217), Jepun (739) dan Singapura (566). Dengan penubuhan Pusat Malaysia Rumah Kedua Ku di Kementerian Pelancongan pada 19 Mei 2006, Kementerian ini juga telah mengubah komposisi penyertaan tertinggi dari negara-negara sasaran melalui program-program promosi yang dilaksanakan oleh Tourism Malaysia. Pada tahun 2007, jumlah penyertaan adalah seramai 1,503 dengan penyertaan tertinggi adalah dari negara-negara United Kingdom(240), Jepun(198) Korea Selatan(152), Bangladesh (149) dan China PRC (90). Pada tahun ini, sehingga Mei 2008, peserta daripada Jepun merupakan peserta paling ramai iaitu 107 orang, UK(92), Iran (57), Korea Selatan (49) lain –lain negara (325).

Penyertaan peserta program MM2H memberi faedah kepada negara terutama kepada sektor perumahan, perbankan, pendidikan dan perubatan selain dari perbelanjaan harian mereka iaitu dalam lingkungan sekurang-kurang RM 7,000 – RM10,000 sebulan. Nilai

pemilikan hartanah oleh peserta MM2H pada tahun 2007 adalah sebanyak RM43.81 juta dan telah mencatatkan sebanyak RM23.92 juta pada tahun 2008 (sehingga Mei) menjadikan jumlah pemilikan hartanah sejak tahun 2004 hingga 2008(Mei) sebanyak RM147.67 juta.

Peserta program perlu membuka Simpanan Tetap di mana-mana institusi kewangan di Malaysia berjumlah RM 150,000 bagi yang berusia 50 tahun dan ke atas dan RM 300,000 bagi yang berusia di bawah 50 tahun. Selepas setahun menyertai program, peserta ini dibenarkan untuk mengeluarkan 80 % daripada Simpanan Tetap tersebut untuk tujuan pembelian rumah, pendidikan anak-anak di Malaysia dan untuk tujuan perubatan. Mereka perlu menyimpan jumlah minima sebanyak RM 60,000 di dalam Simpanan Tetap sepanjang mereka berada di dalam program ini.

Pelaksanaan program ini juga menyumbangkan kepada pelancongan pendidikan di mana permintaan terhadap beberapa sekolah antarabangsa yang terkenal di negara ini terutama di Lembah Kelang kini tidak dapat menampung permintaan, terutama bagi pasaran Korea Selatan dan Iran. Selain itu, para peserta juga menyumbangkan kepada pelancongan kesihatan apabila mereka mengadakan pemeriksaan kerap terhadap kesihatan mereka di klinik ataupun hospital swasta di negara ini.

Statistik pembelian kereta persendirian oleh peserta yang dicatatkan oleh Kementerian Kewangan ialah sebanyak 316 buah pada tahun

2006 dan meningkat ke 443 buah pada tahun berikutnya. Jenis kereta yang dibeli oleh peserta merupakan kereta mewah dan dipasang di dalam negara ini.

SOALAN NO: ~~56~~ 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG[SEGAMBUT]
TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah tertuduh di Mahkamah Jenayah yang telah dilepaskan tanpa dibebaskan *(discharge not amounting to an acquittal)* sejak tahun 2004, punca dan sebabnya secara terperinci, jumlah kes yang dituduh semula dan apakah langkah-langkah Kerajaan selanjutnya.

JAWAPAN:

Jumlah keseluruhan kes yang melibatkan tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan sejak tahun 2004 adalah seramai **15,916**. Pada tahun 2004, jumlah tertuduh yang dilepaskan tanpa dibebaskan adalah seramai **5,448** orang. Pada tahun 2005 pula, jumlah tertuduh yang dilepaskan telah menurun kepada **4,038** orang dan telah menurun lagi kepada **3,156** orang pada tahun 2006. Pada tahun 2007, seramai **3,247** orang pesalah telah dilepaskan tanpa dibebaskan.

Antara sebab-sebab tertuduh ini dilepaskan tanpa dibebaskan adalah seperti yang berikut:

1. saksi-saksi penting tidak dapat dikesan. Sementara usaha dibuat untuk mengesan saksi-saksi ini, tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan bagi mengelakkan kes kerap tertangguh;

2. pengadu meninggal dunia. Dalam situasi ini, keterangan pengadu adalah sangat penting. Apabila pengadu meninggal dunia, permohonan perlepasan tanpa pembebasan dibuat untuk membolehkan pihak pendakwaan mengkaji sama ada mampukah pihak pendakwaan membuktikan kes tanpa keterangan pengadu yang telah meninggal dunia.

3. pengadu tidak ingin meneruskan kes atas alasan yang kukuh. Sebagai contoh dalam satu kes rogol, pengadu telah memutuskan untuk berkahwin dengan tertuduh atas persetujuan keluarga; dan

4. apabila terdapat perkembangan terbaru semasa perbicaraan dijalankan, misalnya dalam keadaan apabila terdapat bukti-bukti baru yang boleh menjejaskan kes pendakwaan.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kes dibebaskan tanpa dilepaskan adalah seperti yang berikut:

1. menambah bilangan pegawai pandakwa yang berkelayakan di mahkamah. Jabatan Peguam Negara telah pun melantik 90 orang

Penolong Pendakwa Raya yang mempunyai ijazah undang-undang dan Jabatan Peguam Negara juga bercadang untuk menambah seramai 100 orang Penolong Pendakwa Raya lagi dalam masa yang terdekat;

2. usaha dipertingkatkan untuk mengesan saksi dengan menambahkan bilangan anggota agensi penguat kuasa;

3. pegawai penyiasat dipertanggungjawabkan untuk memantau pergerakan saksi-saksi penting terutamanya dalam kes yang melibatkan kepentingan awam. Pegawai penyiasat juga hendaklah memastikan mangsa turut diberi perhatian dan perlindungan yang sewajarnya terutamanya apabila melibatkan saksi atau mangsa kanak-kanak. Pegawai penyiasat juga hendaklah sentiasa berhubung dengan saksi dan memaklumkan perkembangan semasa kes khususnya mengenai tarikh perbicaraan unutk memastikan saksi dan mangsa bersedia untuk hadir di mahkamah; dan

4. kes-kes mahkamah dipantau bagi memastikan orang awam mempunyai akses yang lebih mudah kepada perjalanan kes. Kerajaan sedang merangka suatu pelan untuk memperbaiki sistem teknologi maklumat (IT) di mahkamah. Ini bagi memastikan suatu sistem yang telus yang dapat menjejak perjalanan setiap kes sivil dan jenayah dari tempoh ia bermula sampai ia berakhir. Dengan sistem IT ini orang ramai dapat mengetahui sesuatu kes dengan lebih berkesan.

59

No. Soalan : ~~84~~ 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**

Soalan:

DATUK ERIC ENCHIN BIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah usahawan bumiputera yang berkongsi dengan kaum lain dalam setiap bidang di setiap negeri termasuk Sabah. Mengapa usahawan bumiputera agak lemah untuk bersaing dengan kaum lain khasnya dari segi perniagaan dan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan taraf bumiputera dalam bidang usahawan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedang memantapkan Program Usahasama Tulen bertujuan untuk meningkatkan jalinan kerjasama dan perkongsian perniagaan di antara usahawan-usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Program ini bukan sahaja dapat membuka peluang-peluang perniagaan baru bahkan dapat memantapkan kapasiti,

keupayaan dan daya saing syarikat-syarikat usahawan tulen melalui penggemblengan modal, kepakaran teknologi dan penguasaaan pasaran. Melalui program ini, usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera menubuhkan syarikat-syarikat usahasama yang dipantau oleh satu Jawatankuasa Kerja di peringkat Kementerian yang dikenali **Majlis Galakan Usahasama Tulen (MGUT).**

Sehingga kini, sejumlah **58 syarikat usahasama** telah dapat diwujudkan dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Bilangan Syarikat
1.	Perlis	2
2.	Kedah	2
3.	Pulau Pinang	10
4.	Perak	7
5.	Selangor	14
6.	Wilayah Persekutuan	9
7.	Negeri Sembilan	3
8.	Melaka	1
9.	Kelantan	2
10.	Terengganu	3
11.	Johor	3

Semua syarikat-syarikat tersebut adalah dari Semenanjung Malaysia dan usaha-usaha yang dilaksanakan di Sabah dan Sarawak setakat ini masih belum menampakkan kejayaan. Daripada jumlah syarikat usahasama yang telah dapat diwujudkan tersebut pecahan mengikut sektor industri pula adalah **35 syarikat atau 62 peratus** dalam bidang **pembuatan, 10 syarikat atau 19 peratus** dalam bidang **pembinaan dan pemaju hartanah, 6 syarikat atau 11 peratus** dalam bidang **perkhidmatan** manakala bakinya sebanyak **5 syarikat atau 9 peratus** menceburi lain-lain bidang perniagaan. Walaupun syarikat-syarikat usahasama

tulen ini masih belum dapat diwujudkan di Sabah dan Sarawak, Kementerian sedang memantapkan inisiatif melalui Majlis Galakan Usahasama Tulen yang telah ditubuhkan. Namun begitu, melalui kesedaran dan inisiatif usahawan-usahawan sendiri, kerjasama ini telah lama terjalin.

Dalam usaha memantapkan kerjasama bidang perniagaan ini, **Kementerian sendiri mengambil langkah menerajui program ini** yang sebelum ini diterajui oleh dewan-dewan perniagaan. Usaha ini telah mendapat sambutan yang sangat positif daripada dewan-dewan perniagaan Melayu, Cina dan India. Sebanyak **RM500 juta dana** juga telah disediakan kepada program ini melalui kerjasama antara Bank Negara, bank-bank pembangunan, bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat modal teroka dan agensi pembiaya Kerajaan seperti Pemodalan Nasional Berhad, MARA dan SMIDEC dalam Pembangunan Usahasama Tulen fasa kedua.

Selain itu, Kementerian juga sedang membangunkan **modul latihan dan pembudayaan baru** untuk memberi kesedaran dan kebolehan dalam mengendali perniagaan berasaskan konsep usahasama tulen. Diharapkan pendekatan-pendekatan yang diambil oleh Kementerian ini akan dapat menghasilkan peluang-peluang perniagaan melalui perkongsian pintar antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Melalui pelaksanaan program-program MECD, kejayaan usahawan-usahawan Bumiputera telah mula dapat dilihat. Walaubagaimanapun, Kementerian sedar usahawan-usahawan Bumiputera masih lemah untuk bersaing dengan kaum lain. Antara kelemahan tersebut adalah:

i. kebergantungan berlebihan usahawan terhadap Kerajaan;

ii. kelemahan usahawan terutamanya Bumiputera dalam menguasai rantaian nilai;

iii. kekangan dari segi pengalaman yang diperlukan untuk kekal dalam perniagaan;

iv. penglibatan yang tidak aktif usahawan dalam pasaran dan cenderung menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan walaupun mempunyai daya saing yang tinggi;

v. kesukaran memperolehi modal dalam melaksanakan perniagaan yang berskala besar;

vi. kekurangan daya saing dalam persekitaran ekonomi semasa yang lebih liberal dan global;

vii. pembukaan pasaran ekonomi baru di luar dari Malaysia yang lebih kondusif dan kos yang efektif seperti penawaran tenaga kerja yang lebih murah dan berkebolehan tinggi seperti di China, India dan Vietnam; dan

viii. isu pelaksanaan dan penyampaian dalam memastikan program pembangunan sampai ke peringkat akar umbi.

Dalam mengatasi isu dan masalah ini, pelbagai langkah di ambil oleh Kementerian dalam memastikan usahawan mampu berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju diantaranya adalah:

i. mempermudahkan barangan usahawan untuk memasuki gedung perniagaan besar;

ii. memantapkan keupayaan instituisi pembiayaan di bawah MECD bagi menjadikan institusi ini sebagai bank yang 'mesra pelanggan';

iii. memberi kemudahan kepada usahawan dan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan;

iv. mengadakan lebih banyak program promosi dan pemasaran di luar negara;

v. mengadakan peluang kepada usahawan dalam meningkatkan ilmu keusahawanan;

vi. mewujudkan agen-agen pemasar di luar negara bagi membolehkan produk usahawan tempatan menembusi pasaran global;

vii. menggalakkan jaringan di kalangan usahawan dan koperasi untuk membentuk satu pakatan strategik bagi menembusi pasaran yang lebih luas;

viii. meningkatkan sistem penyampaian sedia ada dengan mempermudahkan setiap kemudahan yang ada di bawah Kementerian melalui pemerkasaan Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya; dan

ix. mewujudkan sistem pemantauan di peringkat daerah melalui Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) bagi memastikan pelaksanaan program-program pembangunan usahawan dan koperasi dapat dinikmati di peringkat akar umbi.

Jika dilihat kepada pencapaian tersebut, didapati visi, misi, objektif dan strategi yang menjadi teras kepada MECD sememangnya jelas dan bersesuaian ke arah pewujudan MPPB. Selaras dengan kehendak mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berkualiti, fokus MECD kini lebih tertumpu dalam memantapkan sistem penyampaian sedia ada supaya lanya lebih bersepadu, dinamik dan 'mesra usahawan'.

Disediakan oleh : .....
Hasliza Khasim
PPK (PN) 4

Disemak oleh : .....
Mohd Sakri Saleh
KPP (PN) 4

Diluluskan oleh : .....
Dato' Musa Muhamad
KSU

SOALAN NO: 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **30.06.2008`**

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai pendapatan yang terlebih dibayar oleh individu dan syarikat yang mana masih belum dibayar balik sehingga kini dan berapa lama lagi masa yang akan diambil untuk proses bayaran balik ini akan dilakukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kes bayaran balik yang masih belum diselesaikan sehingga 31 Mei 2008 ialah sebanyak 172,476 iaitu sebanyak 170,074 kes individu dan sebanyak 2,402 kes syarikat. Bayaran balik ini akan diselesaikan secara berperingkat.

2. Berdasarkan Piagam Pelanggan LHDN, proses bayaran balik lebihan bayaran cukai akan dilaksanakan mengikut tempoh berikut:

i. Dalam tempoh sebulan selepas penerimaan borang nyata cukai pendapatan yang lengkap dan betul jika dikemukakan menerusi kaedah e-Filing; dan

ii. Dalam tempoh 3 bulan selepas penerimaan borang nyata cukai pendapatan yang lengkap dan betul jika dikemukakan menerusi serahan tangan atau kiriman pos.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh 5 tahun yang lepas iaitu dari tahun 2003 sehingga tahun 2007, sebanyak 819,971 kes bayaran balik cukai telah dapat diselesaikan dan bayaran berjumlah RM20.4 bilion telah dilakukan.

SOALAN NO: 61

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN]

TARIKH : 30 JUN 2008 [ISNIN]

SOALAN : **YB. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED** [TUARAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan

Dasar dan program secara terperinci berkaitan dengan perkembangan penanaman padi di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar pembangunan penanaman padi di Sabah adalah sama dengan dasar penanaman padi di negeri-negeri yang lain di Malaysia. Di Sabah matlamat tahap sara diri pengeluaran beras adalah 60% menjelang tahun 2010 berbanding tahap sara diri pada masa ini iaitu 30%. Subsidi Harga Padi, Subsidi Baja Padi, Insentif Peningkatan Hasil dan Insentif Pengeluaran Padi dalam bentuk bantuan pembajakan dan baja tambahan juga diberi kepada petani-petani yang mengusahakan tanaman padi. Begitu juga dua bantuan yang baru diperkenalkan iaitu bantuan 3 beg baja NPK dengan setiap satu berat 50 kg dan bantuan racun dan bahan kimia juga diberikan kepada petani-petani di Sabah bagi mengurangkan kos pengeluaran penanaman padi.

Pelan Peningkatan Pengeluaran Beras Negara yang dilaksanakan mulai tahun 2008 sehingga 2010 khusus untuk menangani kekurangan beras negara telah menggariskan beberapa aktiviti seperti penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran, perataan tanah sawah, pembekalan input pertanian bagi meningkatkan kesuburan tanah dan pembekalan input pertanian bagi kawalan makhluk perosak yang akan dilaksanakan dalam masa jangka pendek. Manakala tiga lagi langkah jangka masa panjang termasuk program pembangunan kawasan baru seluas 31,213 hektar yang akan dijadikan jelapang padi di Sabah.

NO SOALAN :62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)**
TARIKH	**:**	**30 JUN 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bagaimana beliau dapat mempertahankan pembelian Sukhoi, kapal selam dan helikopter dari pelbagai segi termasuk tender dan langkah-langkah untuk perkhidmatan pengendaliannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap pembelian aset di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan perancangan jangka panjang, di mana kajian yang menyeluruh termasuk perbandingan antara aset-aset telah dibuat agar aset yang diperolehi menepati ciri-ciri yang diperlukan oleh perkhidmatan. Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maritim yang mempunyai kawasan-kawasan terpisah dengan jarak yang jauh merupakan faktor utama untuk diambil kira dalam perolehan keupayaan ATM khususnya Tentera Udara dan Laut.

Faktor daya tahan terbang dalam mempertahankan kedaulatan ruang udara negara antara dua wilayah telah menjadi sebab utama pesawat Sukhoi telah diperolehi. Ianya juga merupakan pesawat tempur strategik jenis *Multi Role Combat Aircraft* (MRCA) yang dijangka akan mencetuskan impak serta membuka dimensi baru dalam pembangunan keupayaan jangka panjang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Kajian perbandingan menyeluruh di antara beberapa pesawat tempur di dalam pasaran mendapati pesawat Sukhoi boleh memenuhi keperluan operasi TUDM.

Tuan Yang di-Pertua,

Manakala kapal selam merupakan satu aset strategik dalam platform yang boleh memainkan peranan yang amat besar dalam peperangan maritim serta merupakan aset tempur yang paling merbahaya kepada kapal-kapal permukaan. Pengoperasian kapal selam pula mampu memberikan kelebihan kepada pengendalinya kerana ciri-ciri halimunan *(stealth)* yang dimiliki kapal selam menyukarkan pihak lawan untuk mengesan kedudukan kapal selam tersebut. Kapal selam ini berfungsi untuk melaksanakan pelbagai tugas dan misi seperti pengawasan perairan, pengumpulan data perisikan, menyekat jalur perhubungan laut (*Sea Lines of Communications* (*SLOC*), melancar serangan torpedo dan misil serta memasang dan mengaktifkan periuk api. Faktor *battle superiority* yang dimiliki oleh kapal selam dianggap mempunyai unjuran kuasa strategik yang begitu penting dan merupakan salah satu asas kepada dasar pertahanan negara yang meletakkan prinsip *deterrence* bagi mengelak pihak luar dari bertindak secara agresif terhadap kepentingan negara.

MESY PERTAMA DR/08/30.06.08 - YB Tan Seng Giaw

Tuan Yang Dipertua,

Bagi perolehan helikopter pula, ianya telah dibuat secara *open international tender*. Perolehan helikopter utiliti berkeupayaan *Search and Rescue* (SAR) bukan sahaja boleh memenuhi keperluan angkut malah ianya amat perlu untuk TUDM melaksanakan operasi mencari dan menyelamat. Tugas mencari dan menyelamat tidak tertumpu kepada kemalangan pesawat sahaja tetapi peranan mengeluarkan mangsa yang hilang dan cedera di kawasan perhutanan dan pergunungan serta operasi menghantar pesakit-pesakit yang kritikal dari kawasan pedalaman ke hospital-hospital kerajaan kerap dilaksanakan juga.

Memandangkan kesemua aset yang diperolehi merupakan peralatan yang canggih dan *high tech*, maka anggota yang profesional serta berkelayakan telah dijana untuk memastikan kesemua aset ini dapat dikendalikan secara efektif dan efisien. Pengalaman anggota yang telah berkhidmat dengan MiG-29 merupakan aspek penting kerana TUDM telah mempunyai anggota yang mahir dalam senggaraan pesawat pejuang daripada Rusia. Tambahan dengan konsep senggaraan logistik bersepadu, segala pengendalian perkhidmatan dari segi senggaraan akan lebih teratur dan menjimatkan.

Begitu juga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mampu menyelenggarakan kapal selam di peringkat organisasi atau *organisation level maintenance* (*OLM*) dan sebahagian dari senggaraan peringkat pertengahan ataupun *intermediate level maintenance* (*ILM*). Kontrak sedia ada turut merangkumi latihan untuk penyelenggaraan pangkalan atau *Base Maintenance* untuk warga TLDM di negara pembuat kapal selam tersebut.

Soalan NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)
TARIKH	:	30 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan (Padang Serai) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

(a) Langkah yang diambil Kementerian bagi menangani gejala sosial di kalangan belia khususnya belia India; dan

(b) Apakah pendekatan yang digunakan untuk menarik mereka untuk mengambil bahagian di dalam program yang dianjurkan oleh Kementerian berkenaan.

JAWAPAN

(a) Kementerian Belia Dan Sukan sememangnya telah merancang dan melaksana pelbagai program pencegahan dan pemulihan untuk menghalang belia-belia dari terjebak dengan gejala sosial yang merangkumi semua kaum. Antara strategi yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk menghalang belia dari terjebak dengan pelbagai masalah sosial ialah:-

i. Melaksanakan Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) untuk belia-belia lepasan SPM yang melibatkan penyertaan semua kaum. Program ini menekankan aspek pembangunan diri remaja di samping memupuk semangat cintakan negara dan patriotisme serta menyemai dan mempersiapkan diri remaja dengan nilai-nilai kemasyarakatan. Seramai 40,000 orang lepasan SPM yang tidak terpilih mengikuti PLKN adalah merupakan kumpulan sasaran utama dalam 250 program yang dilaksanakan di seluruh negara pada tahun ini. Sehingga Jun 2007 seramai 16,662 orang peserta telah mengikuti program PJKN. Sementara bagi tahun 2006 melalui 67 program yang dianjurkan ia telah berjaya menarik penyertaan seramai 13400 orang. Program ini dianjurkan dengan kerjasama badan-badan NGO'S Belia seperti Majlis Belia Malaysia dan badan swasta.

ii. Di samping itu juga generasi muda ini didedah dengan konsep 3K iaitu Kemahiran, Kepimpinan, dan Keusahawanan agar mereka berupaya menjadi Modal Insan Negara yang

kompeten dan berdaya saing selaras dengan keperluan tenaga kerja masa kini dan masa hadapan.

iii. Melaksana Program Kursus Pembangunan Kepimpinan di Pelbagai peringkat yang bertujuan melatih para belia serta memberi pengetahuan dan kefahaman tentang persatuan, menarik minat untuk berpersatuan, mempelajari aspek kepimpinan dan pengurusan persatuan serta memberi keyakinan dan kemahiran kepimpinan bagi mempersiapkan belia sebagai pemimpin pelapis yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan sedia ada.

iv. Melaksanakan program Y2Y bagi menyedia seramai mungkin pemimpin belia yang nanti mampu menggerakkan pelbagai aktiviti belia di komuniti masing-masing.

v. Melaksana Liga dan Kelab Sukan Komuniti yang melibatkan penyertaan semua kaum di setiap kawasan.

vi. Memperbanyakkan program latihan jati diri seperti Program Memperkasa Tenaga Muda (PMTM) dan Program Jati Diri Malaysia seperti Y2Y Parlimen dan Y2Y DUN untuk memperkukuhkan jati diri belia.

vii. Mempertingkatkan program lawatan patriotisme melalui program kepimpinan Majlis Belia Daerah untuk memperkuatkan semangat cintakan negara.

viii. Manakala Program "Belia Benci Dadah" diadakan bertujuan menyedarkan segenap lapisan masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan usaha menentangnya adalah tanggungjawab semua khususnya golongan belia serta memberi maklumat tentang kesan penyalahgunaan dadah. Golongan belia di peringkat IPTA/IPTS juga tidak terkecuali memainkan peranan mereka melalui Kempen "Anda Pilih : Bahagia atau Sengsara" melalui Sekretariat Rakan Muda IPT masing-masing. Peranan pertubuhan-pertubuhan belia, organisasi ini sentiasa membawa mesej "Belia Benci Dadah" ke dalam perlaksanaan program-program belia sama ada di peringkat kebangsaan, negeri mahupun daerah.

ix. Melalui Pelan Tindakan Strategik HIV/AIDS, Kementerian telah merancang untuk memberi pendidikan dan maklumat yang tepat kepada masyarakat khususnya golongan belia mengenai HIV/AIDS melalui sesi ceramah, diskusi/perbincangan, broucher-broucher dan pamplet. Program ini bertujuan melahirkan belia-belia yang berpengetahuan mengenai HIV/AIDS dan mampu memainkan peranan sebagai penggerak/agen perubahan dalam masyarakat.

x. Membantu pengurusan dan pentadbiran persatuan serta bantuan kewangan khususnya yang dianggotai oleh kaum India bagi pelaksanaan aktiviti/ program mereka.

xi. Merancang untuk melaksanakan program-program di kawasan yang mempunyai bilangan kaum India yang ramai seperti di estet dan kawasan perladangan.

(b) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sama sekali tidak menganaktirikan mana-mana kaum dalam menangani permasalahan sosial di kalangan belia. Untuk tujuan tersebut, pendekatan yang digunakan oleh KBS bagi menarik minat belia India bagi mengikuti program yang dianjurkan oleh KBS adalah dengan menjadikan persatuan belia yang berorientasikan kaum India sebagai Rakan Kongsi KBS. Buktinya, KBS turut bersama-sama Persatuan Belia berorientasikan Kaum India seperti Majlis Belia Hindu, Persatuan Om Hari Guru Vignesvara, Kelab Belia Bersatu Tamil (KBBT) dan lain-lain dalam pelaksanaan aktiviti mereka. Misalnya, bagi tahun 2007 sahaja, jumlah pemberian bantuan aktiviti/program bagi persatuan-persatuan ini mencecah RM345 ribu iaitu peningkatan yang amat ketara berbanding tahun 2006 (RM37,200) dan tahun 2005 (RM90,850).

Selain itu, Bahagian Pembangunan Sukan dan Rakan Muda turut menganjur/melaksanakan program kepada belia-belia India melalui pelaksanaan program-program yang mensasarkan golongan ini. Bahagian Pembangunan Sukan misalnya telah mengiktiraf sukan kabbadi dan seni mempertahankan diri "Silambam" yang majoritinya dianggotai oleh belia-belia India di seluruh negara. Bantuan Pentadbiran dan bantuan program sebanyak RM66,050.00 oleh Bahagian Pembangunan Sukan dan

RM113,100.00 oleh Bahagian Rakan Muda telah disalurkan kepada persatuan-persatuan ini bagi tahun 2007 yang lalu.

Pelbagai program telah diluluskan dan diberi peruntukan yang sewajarnya berdasarkan permohonan daripada persatuan-persatuan ini. Antaranya, Kem Motivasi Perdana (Majlis Belia Hindu Pahang), Bengkel Pengurusan dan Menangani Masalah Sosial (KBBT Serdang), Global Dharma Youth Conference (Hindu Sevei Sanggam), Program Motivasi Belia Benci Dadah (Majlis Belia Hindu Malaysia) dan banyak lagi.

Di samping itu, KBS juga turut melibatkan penyertaan belia dari kaum India ke dalam program-program antarabangsa seperti Kapal Belia Asia Tenggara, Pertukaran Belia dan sebagainya. Belia-belia India juga turut diberikan peranan utama dalam pelaksanaan Sambutan Hari Belia Negara yang disambut setiap tahun. Malah bagi tahun 2008 ini, kategori Tokoh Belia Lelaki, Anugerah Belia Negara telah dianugerahkan kepada En. Rasa Selvan A/L Karuppiah, Presiden Majlis Belia Hindu Malaysia sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada beliau khasnya dan kaum India amnya dalam melaksanakan program-program berkaitan pembangunan belia di negara kita.

Program Rakan Muda Deepavali juga diadakan oleh Bahagian Rakan Muda yang bertujuan untuk meraikan sambutan perayaan bagi kaum India di samping mengetengahkan kebudayaan serta

adat resam mereka kepada kaum lain. KBS juga merancang untuk membina gelanggang sukan serba guna di seluruh negara yang mana gelanggang ini adalah kemudahan yang diberikan kepada semua kegiatan sukan termasuk sukan tradisional kaum India seperti kavadi dan silambam.

SOALAN NO: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

BERTARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN :

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BERDASARKAN KEADAAN TRAFIK YANG SANGAT SIBUK BILAKAH PIHAK KEMENTERIAN BERCADANG MENAIK TARAF

JALAN B18 DARI 2 LORONG KEPADA 4 LORONG YANG MENGHUBUNGKAN DARI BANTING KE DENGKIL KUALA LANGAT SEJAUH 18 KM.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT, KEMENTERIAN DALAM PROSES MENGAMBILALIH JALAN B18 DARIPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR. JKR SELANGOR TELAH MEMASUKKAN CADANGAN NAIKTARAF JALAN INI KE DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9 DENGAN ANGGARAN KOS RM200 JUTA. OLEH YANG DEMIKIAN, NAIK TARAF JALAN B18 AKAN DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN JIKA CADANGAN NAIKTARAF YANG DIPOHON DALAM CADANGAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9 DILULUSKAN.

SOALAN NO. 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA)

TARIKH : 30 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Dr. Lo' Lo' Binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

(a) bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada pekerja khidmat teman sosial dan Mak Nyah yang telah insaf dan ingin kembali ke pangkal jalan; dan

(b) nyatakan maklumat perhubungan bagi tempat-tempat perlindungan atau pemulihan bagi golongan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan perkhidmatan dan bantuan sokongan sosial kepada semua ahli masyarakat yang memerlukannya. Bagi wanita dan Mak Nyah yang telah insaf dan ingin kembali ke pangkal jalan, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita menyediakan program-program pembangunan kapasiti seperti Kemahiran Wanita dan Ibu Tunggal. Melalui program ini, latihan yang diberikan adalah termasuk kemahiran dalam bidang jahitan, kraftangan, pelancongan, penjagaan kanak-kanak, pemprosesan makanan, bakeri, salon dan terapi kecantikan. Menerusi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada program sedemikian, golongan tersebut boleh mencebur diri dalam pasaran pekerjaan atau memulakan usaha niaga sendiri. Bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan, mereka juga boleh memohon Geran Pelancaran yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM2,700

maksimum.

Bagi kanak-kanak perempuan di bawah umur 18 tahun yang terdedah kepada bahaya moral atau terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelacuran atau aktiviti seks, perlindungan boleh diberikan di Institusi Taman Seri Puteri, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara program-program yang dijalankan di institusi ini ialah jagaan dan perlindungan, kaunseling dan bimbingan, pendidikan formal dan tidak formal, pendidikan agama dan moral, latihan vokasional dan aktiviti riadah.

Bagi wanita dan Mak Nyah yang terdedah kepada bahaya moral, terdapat beberapa NGO yang menyediakan rumah perlindungan. Sehubungan dengan perkara ini, Kementerian juga melalui pakatan bestari dengan NGO telah mewujudkan sebuah Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) secara perintis di kawasan risiko tinggi untuk memberikan bantuan kepada golongan berkenaan. PBKS ini menyediakan tiga bentuk perkhidmatan utama iaitu tempat singgah (drop in), jangkauan (outreach), kaunseling serta khidmat maklumat.

Ketiga-tiga perkhidmatan ini menekankan kepada aspek pendidikan, latihan kemahiran, pencegahan, rawatan, penjagaan dan bantuan khidmat sokongan sosial seperti mencarikan pekerjaan, menolong dalam proses mendapatkan dokumen pengenalan diri dan penempatan di institusi kebajikan sekiranya diperlukan.

SOALAN NO. : 66

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan walau pun selama ini terdapat program mengenai alam sekitar, namun masih ramai yang memerlukan kursus atau program kesedaran pemuliharaan alam sekitar. Apakah usaha Kementerian untuk memastikan kesedaran masyarakat mengenai pemuliharaan alam sekitar dipertingkatkan terutama sekali di kalangan wanita.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menjalankan program-program alam sekitar bagi meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat yang meliputi pelbagai kumpulan sasaran. Antara program-program ini termasuk:

(i) Pelajar Sekolah dan Insititut Pengajian Tinggi Awam

(a) Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)

Program ini bertujuan untuk membina sikap positif serta menyemai rasa kasih dan sayang terhadap alam sekitar kepada pelajar-pelajar sekolah.

(b) Penerbitan Majalah Era Hijau

Majalah Era Hijau diterbitkan khusus untuk menyebarkan kesedaran alam sekitar di kalangan para pelajar sekolah.

(c) Pertandingan Debat Alam Sekitar

Pertandingan debat ini merupakan satu aktiviti tahunan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan mahasiswa tentang pelbagai isu dan permasalahan alam sekitar.

(ii) Pengiktirafan Kepada Badan Kerajaan dan Sekolah

(a) Bandar Lestari – Anugerah Alam Sekitar

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk mengiktiraf usaha dan sumbangan badan pentadbiran bandar-bandar untuk mencapai kelestarian alam sekitar melalui polisi dan tindakan.

(b) Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memupuk nilai murni dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan warga sekolah.

(iii) Program Kesedaran untuk Orang Awam dan Industri

(a) Pameran Alam Sekitar

Pameran ini dijalankan sepanjang masa pada setiap tahun dan bertujuan untuk memberikan pemahaman lanjut mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar.

(b) Dialog Dengan Industri

Program ini bertujuan untuk membantu syarikat dan kilang menyelesaikan masalah mereka dan mematuhi peruntukan undang-undang.

(iv) Program Kesedaran Menerusi Media Elektronik dan Media Cetak

(a) Kempen " Tabiat takpa , bumi binasa "

Kempen "Tabiat Takpa Bumi Binasa" ini yang dijalankan dalam tahun 2007 melalui penayangan mesej kesedaran melalui media elektronik dan media cetak.

Bagi kalangan wanita Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta telah menganjurkan Persidangan Wanita dan Alam Sekitar pada tahun 2003 dan 2005 yang bertujuan untuk menyediakan forum untuk kaum wanita dari pelbagai latarbelakang pendidikan dan sosio-ekonomi untuk bertemu dan bertukar-tukar pandangan serta pendapat mereka. Penyertaan kedua-dua seminar adalah seramai 1000 orang menunjukkan komitmen kaum wanita yang tinggi dalam isu-isu berkaitan kesejahteraan alam sekitar.

Berdasarkan kepada pertambahan bilangan penyertaan dalam aktiviti–aktiviti kesedaran di atas, adalah jelas kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat semakin meningkat. Kementerian akan terus menjalankan program-program kesedaran alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat supaya masyarakat dapat memainkan peranan masing-masing dalam memulihara alam sekitar. Tanpa penglibatan dan komitmen masyarakat, pemuliharaan alam sekitar tidak berkesan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 67

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG)**

TARIKH : **30.6.2008**

SOALAN:

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG) minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah bangunan tambahan sekolah didirikan di atas padang sekolah tersebut sehingga menyebabkan pelajar tidak mempunyai kawasan untuk melakukan aktiviti seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Razali, Ampang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan setiap sekolah mempunyai kemudahan termasuklah kemudahan padang permainan yang mencukupi agar aktiviti kurikulum dan kokurikulum dilaksanakan. Namun demikian, KPM sedar bahawa terdapat juga sekolah-sekolah yang tiada padang permainan kerana keperluan mendesak untuk membina bangunan tertentu bagi menampung enrolmen murid yang semakin bertambah dan juga untuk keperluan pelaksanaan aktiviti kurikulum seperti pembinaan makmal komputer. Oleh yang demikian, bagi sekolah-sekolah yang tiada padang permainan yang mencukupi, pihak sekolah boleh menggunakan padang sekolah berhampiran untuk menjalankan sebarang aktiviti kokurikulum ataupun pihak sekolah juga boleh melaksanakan aktiviti yang bersesuaian seperti permainan dalam dewan. Untuk tujuan tersebut, tapak aktiviti

kokurikulum disediakan di sekolah-sekolah yang tiada padang permainan. Selain itu, bagi sekolah-sekolah yang mempunyai dewan, aktiviti permainan dalam dewan boleh dilaksanakan di dewan tersebut. KPM juga akan memastikan bahawa kemudahan padang permainan disediakan dalam setiap pembinaan sekolah-sekolah baru yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Rjm 32

NO. : 68

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : Jawab Lisan

DARIPADA : Tuan Haji Che Uda Bin Che Nik (Sik)

TARIKH : 30 Jun 2008 (Isnin)

SOALAN : Tuan Haji Che Uda Bin Che Nik minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

Adakah Kementerian sedar bahawa Kementerian dan Jabatan yang berkaitan amat mengambil berat tentang pengeluaran hasil tani tetapi tidak memberi tekanan dalam soal pemasaran justeru itu apakah langkah susulan untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN:

FAMA telah mengambil langkah-langkah susulan bagi memastikan hasil keluaran petani dapat dipasarkan dengan lebih terjamin melalui program Ladang Kontrak. Ladang Kontrak ialah satu mekanisme yang bertujuan untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana dalam menjamin pengeluaran hasil pertanian mereka mendapat pulangan yang setimpal. Program ini dilaksanakan secara bersama dengan Jabatan/Agensi pengeluar yang diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Program Ladang Kontrak dilaksanakan berpacukan pasaran *Market Driven*. Petani perlu menanam apa yang dikehendaki pasaran. Untuk ini, FAMA telahpun mengenalpasti 16 jenis sayur –sayuran dan 13 jenis buah-buahan berpotensi yang perlu ditanam dan diusahakan oleh petani . Satu ikatan kontrak antara petani dengan FAMA akan ditandatangani, di mana petani akan mengeluarkan bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan mengikut jenis, gred, kuantiti, masa dan spesifikasi terma perjanjian yang dipersetujui bersama. FAMA akan menjamin pasaran produk yang dikeluarkan samada secara belian terus, atau mengatur pasaran dengan pembeli-pembeliyang dikenalpasti.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK 9), program ini mensasarkan penglibatan seramai 22,243 orang petani dengan keluasan 35,924 hektar di seluruh Malaysia. Sehingga Mei 2008 , seramai 10,303 petani dengan keluasan 17,089 hektar telah menyertai program ini.

Di negeri Kedah, Program Ladang Kontrak mensasarkan untuk melibatkan seramai 1,907 orang petani dengan keluasan 2,177 hektar dalam tempoh RMK9. Pencapaian sehingga Mei 2008 adalah seramai 300 petani dengan keluasan 572 hektar.

Bagi program pemasaran pertanian bagi komoditi segar dan industri Asas Tani (IAT), FAMA telah melaksanakan:-

i. *Program Pembangunan Produk.*
Sebanyak empat program telah dilaksanakan bagi mempastikan produk yang dikeluarkan memenuhi citarasa dan kehendak pengguna dari segi rasa, ketahanan, pembungkusan, perlebelan, keselamatan makanan, penjenamaan dan sebagainya.

ii. Program Pembangunan Pasaran
Sebanyak lima program telah dilaksanakan bagi mempastikan produk-produk yang dikeluarkan sampai kepada kumpulan sasar yang baru dan telah sedia ada seperti institusi pasaran, hotel , pengguna dan sebagainya.

iii. Program Pembangunan Usahawan
Sebanyak dua program telah dilaksanakan bagi mempastikan usahawan bersedia dengan karenah dan kehendak pasaran yang

akan mereka capai meliputi program Kursus, Seminar, Bengkel, Dampingan dan Lawatan.

Melalui program-program ini sehingga Mei 2008 seramai 275 usahawan PKS dibimbing FAMA telah dinaikan taraf mencapai pendapatan sekurang-kurangnya atau melebihi RM2000/bulan dan 305 merupakan usahawan baru.

Terdapat 74 Usahawan PKS di Daerah Sik dengan pengeluaran 162 jenis produk kebanyakannya adalah makanan ringan/kuih tradisional yang merupakan lebih daripada separuh pengeluaran di daearah ini. Lima daripada produk ini dijenamakan KLASIK berjaya dikeluarkan dan dipasarkan. Peralatan pembungkusan bernilai RM41,510.00 disediakan di Pusat Inkubitor yang diwujudkan Jabatan Pertanian. Semua ini adalah untuk memudahkan pemasaran produk-produk PKS.

NO SOALAN: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau bertujuan untuk memperkenalkan Masa Pertanyaan Perdana Menteri hadir sendiri secara tetap di Parlimen untuk menjawab pertanyaan yang menunjukkan satu contoh kebertanggungjawaban Parlimen yang baik kepada Jemaah Menteri sekalian.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang memperkenalkan Masa Pertanyaan Perdana Menteri dan akan meneruskan amalan yang digunapakai sekarang. YAB Perdana Menteri memberi kepercayaan penuh kepada Menteri-menteri yang telah dilantik dalam menjalankan tanggungjawab mereka termasuk dalam urusan soal jawab di Parlimen.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri sentiasa mengikuti perjalanan dan perkembangan-perkembangan yang berlangsung di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN	:	**70**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB.DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**
TARIKH	:	**30.6.2008**

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee (Setiu) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pengertian sebenar Islam berkonsepkan Hadhari (Islam Hadhari) di negara ini dan apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh negeri-negeri berkenaan dalam memahami Pendekatan Hadhari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

1. Pengertian Islam yang berkonsepkan Hadhari yang dipraktikkan di negara ini ialah membawa maksud ajaran Islam yang membawa fokus kepada kehidupan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat bertamadun dan mempunyai peradaban yang unggul bagi menghadapi cabaran alaf baru seperti ledakan teknologi maklumat, dunia tanpa sempadan, ekonomi global, budaya materialisme, krisis identiti, jati diri serta penjajahan pemikiran. Pendekatan Islam Hadhari tidak menolak pentingnya aspek ritual dalam pembinaan tamadun kerana pandangan hidup, sistem nilai, kestabilan jiwa dan kemajuan rohaniah merupakan tonggak kepada pembinaan tamadun yang luhur.

2. Bagi meningkatkan kefahaman kepada masyarakat bagi tahun 2007 sebanyak 9 jenis program penjelasan telah dilaksanakan oleh JAKIM seperti taklimat, *slot in* ceramah, kursus, pameran, wacana, bengkel, Program Perkampungan Hadhari, terbitan & edaran buku dan program di radio & televisyen. Bagi tahun 2008 program seperti di atas akan diteruskan.

SOALAN NO:71

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI]

TARIKH : 30 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah rancangan Kementerian untuk membangunkan kawasan tanah pertanian di Telok Rubiah Daerah Kerian yang terbiar semenjak tahun 1974

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan Teluk Rubiah yang terbiar sejak tahun 1974 adalah tanah milik seluas kira-kira 161.87 hektar (400ekar) . Kawasan ini terbiar disebabkan oleh kemasukan air masin setiap kali berlaku air pasang dikawasan tersebut. Ini menyebabkan kawasan ini tidak sesuai untuk dijalanan sebarang aktiviti pertanian terutamanya tanaman. Walaupun

kerja-kerja pembaikan ban telah dibuat sebanyak dua (2) kali, kemasukan air masin masih tidak dapat diatasi. Kerja pembaikan ini memerlukan kos yang agak tinggi.

Terdapat beberapa usahawan telah cuba untuk membangunkan kawasan tersebut dengan ternakan udang (kolam) namun menemui kegagalan. Jabatan Perikanan memaklumkan kawasan tersebut adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan sebarang aktiviti ternakair kecuali untuk *buffer zone* bagi mengelakkan berlakunya hakisan pantai/tanah.

SOALAN NO: 72

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.06.2008**

Tuan Manigaran A/L Marimuthu (Telok Intan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terdapat tiga syarikat yang memberi perkhidmatan ramalan empat ekor (4 digit) (*forecast*) iaitu Toto, Magnum dan Da Ma Cai dijual tiga kali seminggu. Ini merugikan dan menyusahkan pengguna. Adakah terdapat rancangan untuk menyatukan ketiga-tiga syarikat dan/atau mengurangkan kepada sekali seminggu.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mengamalkan dasar untuk tidak menggalakkan perjudian di negara ini. Oleh itu, cabutan biasa 5 kali seminggu telah dikurangkan kepada 3 kali seminggu pada hari Rabu, Sabtu dan Ahad.

Memandangkan tiga entiti/organisasi yang memberi perkhidmatan ramalan empat ekor (4 digit) (*forecast*) iaitu Toto, Magnum dan Da Ma Cai adalah entiti yang berbeza, maka sebarang penyatuan (*merging & aquisition*) adalah tertakluk keputusan Lembaga Pengarah syarikat masing-masing.

Soalan No : 73

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)

TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah terdapat perancangan dari pihak Kementerian untuk memberi slot pengajaran mengenai asas-asas perlembagaan Malaysia di sekolah-sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Perlembagaan Persekutuan tidak diajar sebagai satu mata pelajaran khusus di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, elemen mengenai semangat patriotik tersebut telah dimasukkan sebagai isi kandungan dalam beberapa mata pelajaran khususnya Sejarah serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

Dalam mata pelajaran Sejarah, murid didedahkan kepada latar belakang perkara tersebut berdasarkan rentetan peristiwa, iaitu melalui tema **Pembinaan Negara dan Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat** di Tingkatan 5. Tema ini membincangkan tentang usaha ke arah pembinaan sebuah negara dan bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan turut membincangkan semangat patriotik dalam tema **Malaysia Negara Berdaulat** di Tingkatan 4 yang menekankan kepada unsur patriotik dan kedaulatan negara, sistem pemerintahan negara serta hak dan tanggungjawab warganegara. Perincian kandungan tema tersebut yang turut menyentuh tentang semangat cintakan negara menjelaskan tentang;

i. Sejarah Perlembagaan Malaysia;
ii. Penggubalan Perlembagaan; dan
iii. Keluhuran Perlembagaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal
[Labuan]

TARIKH : 30 Jun 2008 (Isnin)

SOALAN : 74

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh Kementerian bagi memindahkan lokasi terminal feri kenderaan sedia ada yang sudah tidak lagi strategik dan sering kali mengakibatkan kesesakan lalu lintas di bandar Labuan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mempunyai cadangan untuk memindahkan lokasi terminal feri kenderaan sedia ada ke kawasan lain di bawah Projek Pembinaan Pelabuhan Kecil Bersepadu Ranca-Ranca Labuan (Fasa II). Bagi tujuan tersebut, Kerajaan sedang melaksanakan kajian impak alam sekitar terperinci (*Detail Environment Impact Analysis* – DEIA) di kawasan tersebut seperti mana yang diarahkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menentukan kesesuaian tapak.

SOALAN NO. 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendatang asing tanpa izin yang ditahan dan diusir mengikut negara asal masing-masing pada tahun 2006, 2007 dan enam bulan pertama 2008 di Sabah.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditahan bagi tahun 2006 adalah seramai 16,017 orang bagi warganegara Filipina, 8,363 orang warganegara Indonesia dan seramai 1,030 orang bagi lain-lain warganegara termasuk warganegara Pakistan, India, Thailand, China, Sri Lanka, Vietnam dan Myanmar. Jumlah keseluruhan tahanan ialah 25,410 orang. Manakala jumlah PATI yang diusir pada tahun yang sama adalah seramai 11,092 orang bagi warganegara Filipina, 5,433 warganegara Indonesia dan seramai 558 orang bagi lain-lain warganegara. Jumlah keseluruhan PATI yang diusir dalam tahun 2006 ialah seramai 17,083 orang.

Bagi tahun 2007, jumlah PATI yang ditahan adalah seramai 16,291 orang bagi warganegara Filipina, 9,422 orang warganegara Indonesia dan seramai 619 orang bagi lain-lain warganegara. Jumlah keseluruhan tahanan ialah orang 26,332. Manakala jumlah PATI yang diusir pada tahun yang sama adalah seramai 11,784 orang bagi warganegara Filipina, 6,495 warganegara Indonesia dan seramai 428 orang bagi lain-lain warganegara. Jumlah keseluruhan PATI yang diusir dalam tahun 2007 ialah seramai 18,707 orang.

Bagi enam bulan pertama tahun 2008, jumlah PATI yang ditahan adalah seramai 7,239 orang bagi warganegara Filipina, 2,798 orang warganegara Indonesia dan seramai 212 orang bagi lain-lain warganegara. Jumlah keseluruhan tahanan ialah 10,249 orang . Manakala jumlah PATI yang diusir pada tahun yang sama adalah seramai 5,625 orang bagi warganegara Filipina, 2,335 warganegara Indonesia dan seramai 110 orang bagi lain-lain warganegara. Jumlah keseluruhan PATI yang diusir bagi enam bulan pertama tahun 2008 ialah seramai 8,070 orang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI**
		[KUALA KRAI]
TARIKH	:	**30 JUN 2008**
SOALAN	:	

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a)sama ada Sistem Maklumat Hospital yang digunakan di Hospital Selayang telah berjaya meningkatkan efisiensi pengurusan keseluruhan hospital; dan

(b)sama ada sistem ini membolehkan maklumat pesakit di *'retrieve'* jika pesakit mendapatkan rawatan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sistem Maklumat Hospital yang digunakan di Hospital Selayang didapati telah berjaya meningkatkan efisiensi pengurusan keseluruhan hospital. Ini dapat ditunjukkan

sehingga kini, lebih daripada 568,000 orang pesakit telah berdaftar di Hospital Selayang dan semua rekod pesakit ini menggunakan sistem maklumat yang sedia ada. Pengurusan pesakit menjadi lebih mudah kerana maklumat pesakit dimuatkan dalam satu *folder* dan ini termasuklah pengimejan dan laporan makmal. Pencarian nota pesakit dapat dilakukan pada bila-bila masa di sebarang terminal dan ini akan menjimatkan masa.

Dengan wujudnya semua maklumat pesakit pada satu-satu *encounter* terutamanya di Jabatan Kecemasan, seseorang pegawai perubatan akan dapat mengendalikan kes dengan lebih baik. Penjagaan pesakit menjadi tanpa sempadan (*seamless*) kerana semua maklumat dikongsi secara bersama. Penjagaan pesakit juga akan menjadi lebih efisien kerana sebarang laporan makmal dan radiologi akan terus dihantar ke *folder* pesakit apabila ia siap dilaksanakan. Penggunaan tenaga manusia untuk mengambil laporan di Jabatan Patologi dan Radiologi tidak lagi diperlukan dan ini sekaligus dapat menjimatkan masa. Melalui sistem ini juga, masalah kekurangan ruang penstoran rekod yang dihadapi oleh kebanyakkan hospital akan dapat diatasi.

Melalui contoh-contoh di atas, sistem berasaskan teknologi maklumat yang digunakan di Hospital Selayang didapati telah banyak membantu meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian di hospital berkenaan.

a) Dengan Sistem Pengurusan Maklumat Yang Menyeluruh *(Total Hospital Information System)* yang sedia ada di Hospital Selayang, maklumat pesakit boleh didapati (*retrieve*) di mana-mana terminal komputer pada bila-bila masa di Hospital Selayang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DATUK CHUA SOON BUI**

[TAWAU]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : **30 JUN 2008 (ISNIN)**

SOALAN : **NO. 77**

SOALAN

YB. Datuk Chua Soon Bui minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:-

(a) apakan langkah-langkah pencegahan yang diambil untuk mengelakkan berlaku selanjutnya penyumbangan pilon elektrik yang menyebabkan 92% kehilangan kuasa elektrik (black - outs) di Sabah pada bulan April tahun ini; dan

(b) memandangkan grid pantai barat-timur tidak mampu memastikan 100% bekalan yang berterusan, adakah sebarang pelan dirancang untuk menyediakan bekalan rizab di Tawau.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) sedang mengambil langkah-langkah pencegahan dengan memasang *"spot welding"*, dengan izin, bagi *bolt* sedia ada di menara dan juga pemasangan *"anti-theft bolt & nut"* di menara-menara penghantaran. Di samping itu, rondaan di kawasan yang berisiko tinggi kini kerap dijalankan dengan kerjasama dari pihak polis. Pihak SESB juga telah meminta supaya penduduk di kawasan menara membantu pengawasan aktiviti yang mencurigakan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap situasi bekalan elektrik di Sabah terutamanya di pantai timur yang berada di tahap kritikal. Sekiranya langkah-langkah yang drastik tidak diambil, rizab tenaga akan menjunam kepada kadar yang amat meruncing, iaitu 6% pada tahun 2010.

Setelah projek pembinaan Stesen Jana Kuasa kapasiti 300MW berasaskan arang batu di Silam, Lahad Datu dibatalkan, Kerajaan Persekutuan sedang kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah

untuk mencari lokasi alternatif yang sesuai bagi melaksanakan projek ini. Dalam mencari tapak lokasi yang sesuai, faktor-faktor berikut perlu diberikan penekanan:

i. Stesen jana kuasa perlu dibina di pantai timur untuk mengukuhkan sistem bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah;

ii. Kawasan Pantai Timur Sabah tidak mempunyai bekalan gas atau potensi hidro yang boleh digunakan sebagai alternatif kepada penggunaan arang batu;

iii. Stesen Jana Kuasa berkuasa solar atau *biomass* mempunyai kapasiti yang terhad dan kecil iaitu sekitar 0.1MW (solar) hingga 10MW (*biomass*);

iv. Keperluan untuk mengadakan stesen jana kuasa "baseload" di Pantai Timur Sabah yang berkapasiti sekitar 300MW; dan

v. Tempoh masa yang diperlukan untuk mencari tapak baru supaya tidak mempunyai masalah izin lalu, isu-isu perundangan dan kajian impak alam sekitar atau EIA.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan fakta-fakta di atas, kemungkinan menggunakan arang batu
bagi menjana tenaga di kawasan pantai timur Sabah tidak dapat dielakkan. Untuk tujuan ini, teknologi "*clean coal*" akan diguna pakai kerana ia mematuhi penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Dunia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Dunia adalah lebih ketat daripada standard-standard yang diguna pakai oleh Jabatan Alam Sekitar.

Usaha-usaha juga akan diambil untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai penggunaan "*clean coal technology*" dan kesannya kepada alam semula jadi, supaya hasrat Kerajaan untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap terutamanya di Pantai Timur Sabah dapat dilaksanakan.

****

SOALAN NO. 78

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN GWO-BURNE LOH
(KELANA JAYA)

TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihan Raya akan memansuhkan undi pos memandangkan terdapat banyak kes kepincangan dalam Pilihan Raya Umum yang baru lalu.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kenyataan bahawa terdapat banyak kes kepincangan amat tidak bertanggungjawab. Dalam pilihan raya jika ada kes dan bukti, Yang Berhormat boleh bawa ke mahkamah. Yang Berhormat tidak perlu melempar tuduhan liar untuk kepentingan politik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada undi pos perlu dikekalkan atau dihapuskan. Ini disebabkan Perkara 119 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan hak mengundi bagi golongan 'Pengundi Tidak Hadir'. Dalam melaksanakan urusan pengundian bagi 'Pengundi Tidak Hadir' ini, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 telah digubal. Mengikut Peraturan 3 (1) Peraturan tersebut, 'Pengundi Tidak Hadir' adalah layak untuk mengundi secara pos.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 79

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**
TARIKH	**:**	**30 JUN 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

(a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mempelbagaikan tugas anggota tentera seperti membantu anggota polis dalam membanteras jenayah dalam negeri; dan

(b) Adakah Kerajaan menyediakan peluang-peluang secukupnya kepada bekas-bekas tentera agar mereka dapat hidup dengan selesa selepas berkhidmat dalam Angkatan Tentera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada sebarang rancangan setakat ini untuk mempelbagaikan tugas anggota tentera seperti membantu anggota polis dalam membanteras jenayah dalam negeri. Bagaimanpun adalah menjadi tugas sekunder Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Awam.

Kerajaan sentiasa berusaha mencari jalan bagi pesara tentera supaya dapat berdikari atau mendapat pekerjaan yang sesuai untuk menampung kehidupan mereka. Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) mencerminkan keprihatinan Kerajaan agar kebajikan pesara tentera terus dipelihara dengan sewajarnya. Pelbagai usaha telah dibuat oleh JHEV untuk menjadikan pesara tentera ini bergiat aktif sama ada dalam bidang perniagaan, pertanian, ternakan dan perikanan menerusi kerjasama Jabatan dengan Kementerian lain.

JHEV juga bercadang untuk mempertingkatkan lagi pencapaian pesara tentera atau Veteran ATM melalui penggalakkan dan pemantauan yang lebih intensif. Program

pembangunan usahawan yang lebih mantap akan diadakan meliputi seminar umum mengenai peluang dan potensi dalam bidang perniagaan dan pertanian, program latihan / bimbingan usahawan, program pemantauan dan program pengembangan usahawan untuk membantu mereka yang berhasrat mengembangkan perniagaan mereka. Selain itu, program latihan bersifat amali akan dilaksanakan bagi projek-projek usahawan yang berjaya dipilih dan telah menunjukkan komitmen yang tinggi.

Disamping itu pula Kerajaan juga turut menyokong inisiatif Veteran ATM dan semua lapisan rakyat mengusahakan perniagaan kecil dilokasi-lokasi pelancongan, taman awam atau infrastruktur awam dalam usaha menambah pendapatan asal.

Sekiranya pesara tentera yang masih memerlukan bantuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran setelah bersara mereka juga boleh mengikuti kursus-kursus dan latihan pasca-peralihan yang dikendalikan oleh PERHEBAT ataupun organisasi lain yang diperakui.

SOALAN: 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU)

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan mengkaji semua garis ukur kemiskinan dan ujian kemiskinan (*means test*) melihat kepada kenaikan inflasi di dalam negara dan nyatakan langkah-langkah pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat yang telah dibuat tanpa mengira kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang dari masa kesemasa sentiasa mengemaskini pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang merupakan indikator utama dalam menentukan kadar kemiskinan. Nilai-nilai PGK ini adalah dikemaskini berdasarkan perubahan harga semasa mengikut Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi memastikan pengukuran kemiskinan adalah tepat dan bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa serta bagi membolehkan

penyaluran bantuan kepada golongan yang benar-benar layak dibuat mengikut keperluan yang ditetapkan. Berdasarkan kepada PGK semasa yang dikemasikini pada tahun 2007, nilai PGK keseluruhan yang digunapakai bagi Malaysia ialah RM753 sebulan bagi kemiskinan keseluruhan manakala kemiskinan tegar pula ialah RM434 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan pembasmian kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan tanpa mengira kaum dapat dicapai sepenuhnya menjelang tahun 2010, tumpuan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang memfokuskan kepada aspek keperluan sosio-ekonomi masyarakat miskin. Selain penyediaan ameniti asas seperti perumahan dan akses kepada kemudahan dan keperluan asas, program utama yang dilaksanakan turut merangkumi projek untuk membantu golongan sasar menjana pendapatan, pembangunan keusahawanan, penyediaan latihan kemahiran kepada golongan belia, pendidikan anak-anak dan program kredit mikro untuk membolehkan golongan miskin memulakan perniagaan yang bersesuaian secara kecil-kecilan. Dalam hubungan ini, negeri-negeri yang mempunyai insiden kemiskinan yang masih tinggi seperti Sabah, Terengganu dan Kelantan disediakan peruntukan yang lebih besar di bawah RMKe-9 bagi pelaksanaan program dan projek pembasmian kemiskinan.

Selain kemiskinan di luar bandar, Kerajaan juga memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan di bandar. Antara

program yang sedang dilaksanakan termasuk bantuan kemudahan perumahan dan kesihatan, bantuan pendidikan dan latihan serta peluang pekerjaan. Kerajaan juga pada masa ini sedang memperhalusi program pembasmian kemiskinan yang berimpak tinggi untuk dilaksanakan di bawah pembangunan koridor seperti projek Agropolitan bagi memastikan matlamat pembasmian kemiskinan sifar dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah mengemaskini mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan ke arah mencapai matlamat pembasmian kemiskinan. Dalam pembasmian kemiskinan ini, usaha Kerajaan juga perlu disokong. Oleh itu, peranan aktif pelbagai pihak lain juga amat diperlukan. Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) juga digalakkan untuk terlibat secara lebih aktif bagi menyokong usaha Kerajaan melalui pelbagai aktiviti di bawah tanggungjawab korporat sosial mereka. Selain itu, golongan sasar, iaitu isi rumah miskin tegar juga perlu bekerja keras bagi meningkatkan produktiviti dan bersikap positif bagi menjayakan pelaksanaan program-program yang disertai oleh mereka.

NO SOALAN: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memisahkan Kementerian Belia dan Sukan dengan tujuan memberikan tumpuan kepada golongan belia di negara ini.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Kerajaan melihat komponen belia dan komponen sukan masing-masing sebagai amat penting dalam proses pembangunan negara, namun Kerajaan juga melihat kedua-dua komponen ini sebagai saling berkait rapat. Ini kerana, kedua-dua komponen ini melibatkan mereka dari kelompok usia yang hampir sama. Tambahan pula, apabila diletakkan secara bergandingan, proses dan program pembangunan kedua-dua komponen ini dapat disusun dan diintegrasikan dengan lebih dinamik dan pada masa yang sama, pendekatan ini juga dapat mengoptimumkan penggunaan sumber serta meningkatkan tahap keberkesanan program-program yang dilaksanakan.

Dalam konteks pembangunan belia, Kerajaan melihat bahawa usaha terhadap pembangunan belia yang dibuat melalui pelbagai program yang telah dijalankan, telah membuahkan hasil yang agak membanggakan. Golongan belia di negara ini telah mencatatkan pelbagai kejayaan dengan sesetengahnya telah turut mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, dua pertubuhan belia peringkat dunia yang diiktiraf iaitu *World Assembly of Youth* dan *Asian Youth Council*, kedua-duanya dipimpin oleh belia Malaysia. Ini merupakan satu pencapaian yang seharusnya dibanggakan dan sekaligus membuktikan bahawa program

pembangunan belia bukan sahaja diyakini dan diiktiraf di peringkat global, malah telah terbukti keberkesanannya dalam melahirkan pemimpin di peringkat nasional dan di arena antarabangsa.

Justeru itu, Kerajaan sememangnya tidak melihat sebarang keperluan untuk kedua komponen ini dipisah dan diletakkan secara bersendirian. Malahan, Kerajaan percaya bahawa gandingan kedua komponen ini adalah dinamik dan berkesan dalam mencapai matlamat pembangunan belia dan pembangunan sukan yang disasarkan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penerima biasiswa JPA dalam negeri mengikut etnik dari tahun 2004 hingga 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] bersama soalan yang dikemukakan oleh Tuan Lim Guan Eng [Bagan] kerana soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan 2 bentuk program penajaan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang iaitu Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN). Jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA di luar dan dalam negara mengikut pecahan kaum sejak tahun 2000 adalah seperti berikut:

NO. SOALAN:82

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2007			
TAHUN	BILANGAN BUMIPUTERA	BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH KESELURUHAN
2000	598	150	748
2001	609	152	761
2002	999	250	1,249
2003	1,314	329	1,643
2004	1,187	297	1,484
2005	1,040	260	1,300
2006	1,143	357	1,500
2007	1,170	630	1,800
JUMLAH KESELURUHAN	**8,060**	**2,425**	**10,485**

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI DALAM NEGARA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2007			
TAHUN	BILANGAN BUMIPUTERA	BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH KESELURUHAN
2000	3,444	319	3,763
2001	8,723	969	9,692
2002	6,643	623	7,266
2003	4,340	407	4,747
2004	3,994	430	4,424
2005	4,693	593	5,286
2006	4,727	1,026	5,753
2007	6,682	893	7,575
JUMLAH KESELURUHAN	**43,246**	**5,260**	**48,506**

NO. SOALAN:82

Sebab-sebab penolakan bagi biasiswa luar negara adalah seperti berikut:

(i) tidak mendapat markah penuh untuk kriteria pemilihan yang telah ditetapkan iaitu prestasi akademik (70%), ko-kurikulum (10%), sosio ekonomi (10%) dan prestasi temuduga (10%);

(ii) bidang pilihan pelajar tidak memenuhi kesesuaian kombinasi mata pelajaran yang ditetapkan. Contohnya, bagi memillih program perakaunan, calon mestilah telah mengambil mata pelajaran Prinsip Akaun dalam peperiksaan SPM. Sekiranya calon memohon program perakaunan tanpa mengambil mata pelajaran Prinsip Akaun, maka permohonannya secara automatik akan ditolak; dan

(iii) persaingan yang sengit untuk bidang yang dipohon.

Walau bagaimanapun, bagi biasiswa dalam negara hanya prestasi akademik (80%) dan sosioekonomi keluarga (20%) sahaja yang diambil kira bagi tujuan pemilihan.

SOALAN NO: 83

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**30.06.2008**

YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak rumah kos rendah yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad telah dibina di Sabah. Mengapakah Borang Permohonan rumah kos rendah tersebut diserahkan kepada individu tertentu dan bukan orang awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh dari November 2005 sehingga 15. Jun 2008, SPNB sedang menyiapkan sejumlah 2,266 unit rumah kos rendah di negeri Sabah yang meliputi pelbagai daerah iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Tawau, Tuaran, Lahad Datu, Papar dan Ranau. Selain itu, SPNB merancang untuk membina sebanyak 12,712 unit Rumah Mampu Milik bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2010.

SPNB tidak terlibat dalam urusan pengagihan rumah kos rendah kerana ianya tertakluk kepada kelulusan dan syarat yang ditentukan oleh unit atau bahagian perumahan sesebuah negeri. Bagi negeri Sabah, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) merupakan agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam dasar pengagihan rumah kos rendah kepada golongan yang layak memilikinya. SPNB hanya menerima senarai yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan melaksanakan pembinaan rumah kos rendah berdasarkan senarai tersebut.

PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 84

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**
SOALAN	:	**Y.B. Tuan William Leong Jee Keen** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah prosedur kedutaan Malaysia di luar negeri memperbaharui pasport rakyat dan tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan pembaharuan ini dan dikembalikan kepada pemohon

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Selayang ke atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, prosedur permohonan pembaharuan pasport Malaysia di luar negara adalah sama dengan prosedur pembaharuan pasport di Malaysia di mana pemohon perlu mengisi borang permohonan pasport, menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan dan membuat bayaran yuran permohonan pasport. Borang-borang permohonan tersebut kemudiannya akan dimajukan ke Jabatan Imigresen Malaysia untuk diproses dengan menggunakan perkhidmatan beg diplomatik.

2. Tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan pasport ini bergantung pada Kedutaan dan Konsulat di mana permohonan dilakukan. Bagi Kedutaan dan Konsulat yang dibekalkan dengan mesin pengeluaran pasport biometrik, *Machine Readable Pasport* (MRP), permohonan dapat diproses dalam masa 1 hari. Bagi Kedutaan atau konsulat yang tidak mempunyai mesin MRP tersebut, proses permohonan pasport dari masa Perwakilan menerima borang

permohonan sehinggalah dikembalikan kepada pemohon, adalah di antara 2 hingga 3 bulan. Ini adalah kerana jadual penghantaran beg diplomatik dari Kedutaan dan Konsulat Malaysia di luar negara ke Malaysia dan dari Malaysia ke sana dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 2 kali dalam sebulan.

SOALAN NO:85

DEWAN NEGARA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA**
TARIKH	:	**30 Jun 2008**
SOALAN	:	**TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah persiapan jangka panjang Kerajaan dalam menghadapi krisis makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Krisis makanan telah menjadi isu yang penting memandangkan kekurangan bekalan mentah di peringkat dunia yang telah menyebabkan kenaikan harga yang meningkat secara mendadak bermula pada awal tahun ini. Kenaikan harga makanan khususnya

awal tahun lalu telah menyebabkan tercetusnya krisis makanan di beberapa buah negara yang seterusnya membawa tekanan politik di Negara-negara berkenaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan bekalan makanan khususnya makanan asas penduduk Malaysia seperti beras mencukupi bagi kegunaan dalam negara, Dasar Jaminan Makanan Negara telah digubal pada 23 April 2008 untuk dilaksanakan pada tahun 2008 yang merangkumi langkah jangka masa pendek yang akan dilaksanakan secara serta merta pada tahun ini dan juga langkah jangka masa sederhana yang melibatkan pelaksanaan sehingga tahun 2010. Pada tahun 2008, sejumlah RM803 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program-program peningkatan produktiviti padi merangkumi penyelenggaraan dan penaiktarafan infrastruktur, pengurusan sawah secara optimum termasuk kawalan perosak, penggunaan baja dan input serta meningkatkan mekanisasi ladang. Peruntukan sebanyak RM1,005 juta telah disediakan oleh Kerajaan bagi mewujudkan stok

penimbal beras sebanyak 552,000 mt agar jumlah stok beras dapat ditingkatkan untuk bekalan selama tiga (3) bulan.

Kerajaan juga akan menambah insentif dan subsidi kepada pengusaha-pengusaha pertanian bagi menampung sebahagian dari peningkatan kos yang dihadapi oleh petani. Selain daripada insentif seperti yang dinyatakan tadi, pengeluaran dan produktiviti bagi sayur-sayuran, buah-buahan, daging lembu dan kambing serta akuakultur yang melibatkan program-program seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) juga akan dipertingkatkan. Pembangunan hatcheri benih udang/ ikan serta perolehan baka lembu dan kambing akan meningkatkan pengeluaran ikan dan daging bagi menampung keperluan negara.Pewujudan pusat pengumpulan dan pengagihan hasil pertanian oleh FAMA akan dapat membantu petani untuk mengakses pasaran dengan lebih mudah. Pengurusan bagi tanah terbiar akan diteruskan dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran beras dan tanaman makanan lain manakala Program Bumi Hijau yang digiatkan meliputi kawasan Bandar dan desa akan berupaya membantu menampung keperluan keluarga.

NO. SOALAN: 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG]

TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN :

Y.B. Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah pelajar yang ditaja oleh PETRONAS ke luar negara mengikut kaum dari tahun 2003 hingga 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ditaja oleh PETRONAS ke luar negara dari tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003 hingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah seperti berikut:

Tahun kewangan berakhir 31 Mac	**2003**	**2004**	**2005**	**2006**	**2007**	**2008**	**Jumlah**
Bumiputera	134	168	145	175	116	163	**901**
Bukan bumiputera	14	19	34	23	19	25	**134**
Jumlah	**148**	**187**	**179**	**198**	**135**	**188**	**1,035**

Dari 1,035 pelajar tajaan PETRONAS ke luar negara dalam jangka masa tersebut, kira-kira 87% adalah pelajar-pelajar bumiputera dan selebihnya (13%) adalah pelajar-pelajar bukan bumiputera.

LAMPIRAN AH

SOALAN 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG]
TARIKH	:	30 JUN 2008
SOALAN	:	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Apakah perancangan Kementerian Pelancongan bagi Daerah Sipitang, memandangkan Sipitang sebagai pintu masuk dan keluar yang utama (jalan darat) dari Brunei, Sarawak dan Kalimantan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian iaitu Kajian Pelan Konsep Pelancongan Tempatan bagi Daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang telah dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS) bagi mengenal-pasti produk-produk pelancongan serta kemudahan-kemudahan yang boleh dibangunkan di daerah-daerah berkenaan.

Dalam kajian tersebut, di antara perancangan produk-produk yang telah dikenal-pasti untuk dibangunkan di daerah Sipitang adalah:

(i) Pembangunan *waterfront* dan *promenade* di daerah Sipitang,
(ii) Pembangunan pusat maklumat dan muzium,
(iii) Menaiktaraf jalanraya, dan
(iv) Membina tempat Rehat dan Riadah (R & R),

Di samping itu, terdapat juga program *Homestay* yang melibatkan 15 peserta di Kampung Long Pasia, Sipitang.

Dengan adanya perancangan untuk membangunkan kemudahan-kemudahan seperti yang dinyatakan, Kerajaan yakin daerah Sipitang akan dapat menarik lebih ramai pelancong, khususnya dari Brunei, Sarawak dan Kalimantan untuk singgah dan menikmati keindahan di kawasan tersebut.

NO. SOALAN : 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30/06/08

PERTANYAAN DARI : YB TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci kos perbelanjaan mengikut perkara-perkara secara specific yang telah dibelanjakan dalam projek pengubahsuaian pejabat-pejabat untuk Menteri Kabinet di Bangunan Parlimen selepas Pilihan raya Umum ke 12 dan siapakah kontraktor yang dilantik serta jenis tender yang diguna pakai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kos perbelanjaan bagi projek pengubahsuaian pejabat-pejabat untuk Menteri Kabinet di Bangunan Parlimen selepas Pilihan raya Umum ke 12 adalah seperti berikut :-
(lihat lampiran)

Kontraktor yang telah dilantik adalah :-
ISBUL HOLDINGS SDN BHD
Tingkat 13, Plaza Masalam
No. 2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah
E 9/E, Section 9,
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tarikh milik tapak : 31 Mac 2008
Tarikh Siap Kerja : 25 April 2008

3.1 *'Contract Sum Analysis' :*

Item	Description	Amount
1	Kerja - Kerja Awalan	300,000.00
2	Kerja - Kerja Meroboh	25,000.00
3	Kerja - Kerja Baru dan Pengubahsuaian	670,609.00
4	Kerja - Kerja Perabut	594,200.00
5	Keija - Kerja Pendawaian Telefon, SMATV dan Audio	
	5.1 Kerja - Kerja Telefon	186,875.00
	5.2 Kerja - Kerja ICT	51,500.00
	5.3 Kerja-Kerja SMATV	20,126.00
6	Kerja - Kerja Elektrik	90,975.00
6a	Kerja- Kerja Elektrik di Bilik Cenderamata (Baru)	10,470.00
7	Kerja - Kerja Mekanikal	
	7.1 Kerja - Kerja Penghawa Dingin	35,520.00
	7.2 Kerja - Kerja Mekanikal di Bilik Pantry Lama	3,425.00
8	Peralatan Pejabat	311,300.00
	GRAND TOTAL	**2,300,000.00**

Ringgit Malaysia : **Dua Juta Tiga Ratus Ribu Ringgit Sahaja**

Tender :
Rundingan Terus (Reka & Bina)

Surat Parlimen : PAR.9/PJKR(11)/26 Mac 2008
Surat YB Menteri KKR : (1)dlm.KKR.BPP.707-15/22Jilid 2/27 Mac 2008
Surat Kelulusan EPU :
(2)S/K.KEW/PK/BN2?100/810100/76/214jld.2.sk.5/9 April 2008

NO. SOALAN : 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN NORAH BINTI ABD. RAHMAN [TANJONG MANIS]**
TARIKH	:	**30 JUN 2008**
SOALAN	:	**PUAN NORAH BINTI ABD. RAHMAN [TANJONG MANIS]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

a) senarai nama serta nilai projek-projek pembinaan yang telah dibina tetapi kemudiannya memerlukan belanjawan tambahan untuk diperbaiki keadaan selepas selesai pembinaan mengikut negeri dari tahun 2002 – 2007; dan

b) apakah sebab-sebab perlunya belanjawan tambahan tersebut.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah RMK-9 sahaja, Kerajaan telah meluluskan sejumlah 23,781 projek fizikal pembinaan menyamai siling peruntukan RM130.875 bilion atau 65% daripada siling peruntukan RMK-9 sebanyak RM200 bilion.

Daripada jumlah projek fizikal pembinaan tersebut, sejumlah 2,157 projek atau 9.1% telah siap menyamai siling peruntukan RM12.842 bilion.

Keperluan belanjawan tambahan untuk memperbaiki kerosakan atau kecacatan kerja sesebuah projek yang siap dibina jarang berlaku. Ini memandangkan di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period*), pihak kontraktor diwajibkan menyelenggara sesebuah projek siap tersebut dan memperbaiki kerja-kerja yang mengalami kerosakan struktur, kecacatan atau kerosakan disebabkan oleh mutu kerja yang rendah (*sub-standard*), di atas pembiayaan kontraktor sendiri. Tempoh Tanggungan Kecacatan ini pada normanya adalah antara 12 bulan hingga 24 bulan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Maklumat Pecahan projek fizikal pembinaan RMK-9 yang sudah siap pelaksanaan mengikut negeri dikembarkan bersama.

SOALAN NO. 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)

TARIKH : 30 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

(a) perancangan Kementerian untuk menyelamatkan golongan wanita dan lelaki lembut (*transvestites*) yang terlibat dengan kerja-kerja pelacuran; dan

(b) program-program pemulihan yang sedia ada untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius gejala sosial yang melibatkan aktiviti pelacuran di kalangan wanita dan lelaki lembut. Bagi menangani masalah ini, KPWKM telah mengambil pendekatan untuk menyedarkan golongan ini tentang risiko menjadi pekerja seks dan memberi panduan agar mereka dapat kembali menjalani kehidupan dalam masyarakat yang normal. Tindakan secara mendekati, memberi kesedaran dan memulihkan mereka sangat penting kerana ada di kalangan mereka, khususnya wanita, yang mempunyai anak-anak yang tinggal bersama mereka. Oleh itu, sebarang tindakan yang dijalankan oleh KPWKM perlu sentiasa mengambil kira kepentingan kanak-kanak yang menjadi ahli keluarga golongan ini.

(b) KPWKM dengan kerjasama pihak NGO telah menubuhkan Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) di kawasan berisiko tinggi di Kuala Lumpur bertujuan untuk menyediakan

perkhidmatan sosial dan kebajikan kepada penghidap HIV/AIDS, pekerja seks dan mak nyah. Pusat Bantuan Khidmat Sosial ini menyediakan perkhidmatan seperti tempat singgah (*drop-in*), jangkauan (*outreach*) dan kaunseling serta sesi informasi bagi kumpulan sasar mangsa HIV/AIDS, pekerja seks wanita dan mak nyah. Perkhidmatan yang disediakan menekankan kepada aspek pendidikan, pencegahan, rawatan, penjagaan, bantuan dan keselamatan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPWKM melalui JKM telah menubuhkan institusi Taman Seri Puteri yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Institusi ini memberikan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya moral termasuk mereka yang melibatkan diri atau terlibat dalam pelacuran. Selama tempoh pemulihan, institusi ini memberi bimbingan dan kaunseling, pendidikan serta latihan vokasional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT ✓

SOALAN 94

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : **YB Lim Guan Eng (Bagan)**

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN : **YB Lim Guan Eng (Bagan)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan punca kehilangan Batu Puteh, kesannya kepada kedaulatan Negara, sebabnya Malaysia boleh kalah dan adakah persiapan perundangan adalah kurang mencukupi.

SOALAN 50

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB John A/L Fernandez (Seremban)

TARIKH : 8 JULAI 2008

SOALAN : **YB John A/L Fernandez (Seremban)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah alasan-alasan yang menyebabkan tuntutan Malaysia di Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang bersidang di Hague Belanda mengenai tuntutan Batu Puteh ditolak 23 Mei 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Bagan dan YB Seremban di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan. Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh YB Bagan untuk dijawab pada 30 Jun 2008 dan YB Seremban untuk dijawab pada 8 Julai 2008, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai kes kedaulatan ke atas Batu Puteh.

2. Walaupun kita amat kecewa dengan penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 yang menyebelahi Singapura berhubung Batu Puteh, kita bersyukur kerana telah diputuskan oleh ICJ sebagai mengekalkan hak milik dan kedaulatan ke atas Batuan Tengah (juga nampaknya Tubir Selatan).

Memandangkan kedaulatan Tubir Selatan ditentukan berdasarkan perairan wilayah negara di mana terletaknya entiti tersebut (*sovereignty over South Ledge belongs to the state in the territorial waters in which it is located),* nampaknya ia memihak kepada Malaysia berasaskan kepada lokasinya di dalam perairan Batuan Tengah yang telah disahkan sebagai hak milik Malaysia.

3. Mengenai punca jatuhnya kedaulatan Batu Puteh ke tangan Singapura ini, penghakiman ICJ memutuskan bahawa hak milik kedaulatan ke atas Batu Puteh berpindah daripada kesultanan Johor kepada United Kingdom dan seterusnya kepada Singapura berdasarkan perlakuan pihak-pihak yang terlibat (*conduct of parties).* Ini terutamanya merujuk kepada tindak-tanduk Singapura, dan sebelum itu British di satu pihak dibandingkan dengan ketiadaan tindak-balas Malaysia di satu pihak yang lain serta kegagalan Malaysia untuk bertindak-balas kepada tindak-tanduk Singapura. Dalam hal ini, pihak berkuasa Johor dan kemudiannya Malaysia dikatakan tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Batu Puteh daripada Jun 1850 sehingga hampir satu abad kemudian. Ini ditambah lagi dengan peta-peta rasmi Malaysia tahun 1960-an dan 1970-an yang melabelkan Batu Puteh sebagai milik Singapura serta surat Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri Johor bertarikh 21 September 1953 yang menyatakan bahawa Johor tidak mempunyai hak milik ke atas Batu Puteh.

4. Dalam hal ini, kita tidak sewajarnya menuding jari kepada pasukan Malaysia yang bekerja keras demi mempertahankan

kedaulatan negara untuk mempertahankan kes Malaysia di ICJ. Kerja-kerja penyelidikan mengenai kedaulatan Malaysia ke atas Batu Puteh telah dijalankan di Malaysia dan di serata dunia dengan penuh dedikasi oleh pasukan Malaysia selama hampir 30 tahun dari tahun 1979-2007. Kesungguhan pasukan Malaysia dalam menyediakan negara bagi menghadapi kes ini terbukti dengan segala usaha penyelidikan dan pengumpulan bukti-bukti kes Malaysia secara berterusan selama hampir 30 tahun ini sehingga ke saat-saat akhir sebelum perbicaraan. Usaha berterusan dan penuh kesungguhan ini semasa persediaan kes sama ada di peringkat penyelidikan mahupun persediaan pliding-pliding bertulis dan semasa perbicaraan lisan di ICJ melibatkan ramai pegawai dari pelbagai agensi Kerajaan; para penyelidik yang dilantik; pakar-pakar dalam bidang tertentu dan penasihat undang-undang antarabangsa Malaysia yang terkemuka yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam mengemukakan kes Malaysia di ICJ.

Disediakan oleh : .....

Haznah Md. Hashim

KPS Jabatan Perancangan Dasar & Strategi

Disemak / Diluluskan oleh: .....

Ambassador Dr Fauziah Mohd Taib

Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Dasar & Strategi

SOALAN NO. 92

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 30 Jun 2008

SOALAN:

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah bersedia mengkaji sistem pilihan raya sedia ada kepada sistem pilihan raya yang lebih adil dan saksama seperti sistem *"proportionate representative"*.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bersedia untuk mengkaji sistem pilihan raya sedia ada kerana berpendapat sistem yang diguna pakai sekarang adalah masih sesuai. Kerajaan percaya sistem pilihan raya di Malaysia yang telah digunakan sebanyak 12 kali dalam pilihan umum adalah yang terbaik kerana ianya adil bagi semua dan keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara sah oleh semua pihak sama ada pihak Kerajaan ataupun pembangkang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**30 JUN 2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**NO. 93**

SOALAN

YB. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah yang tercapai dari segi pelaksanaan MyICMS 886, dan berapakah jumlah pembiayaan dan pulangan kuantitatif setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Malaysia Information, Communications and Multimedia Services 886 atau lebih dikenali sebagai MyICMS 886 merupakan strategi yang telah digubal untuk menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia atau ICT di Malaysia. Strategi ini

merangkumi tiga elemen iaitu Perkhidmatan (8), Infrastruktur (8) dan Bidang Pertumbuhan baru (6).

Antara pencapaian utama MyICMS 886 sehingga Disember 2007 ialah seperti berikut:

i. Dari segi penggunaan Internet jalur lebar, ianya telah menunjukkan peningkatan yang ketara dari jumlah **110,406** pelanggan pada tahun 2003 kepada **1,368,900** pada penghujung tahun 2007. Ini menunjukkan peningkatan melebihi **120%** kadar pertumbuhan purata tahunan (CAGR);

ii. Liputan perkhidmatan 3G pula telah mencapai 70% liputan. Sebanyak **1555** daripada 1598 menara telekomunikasi telah dibina untuk meningkatkan liputan perkhidmatan selular kepada **92.5%** dan pada masa yang sama akan turut meningkatkan liputan 3G. Dari segi pengguna 3G, sejak dilancarkan pada tahun 2004, pelanggan 3G telah meningkat kepada **1.8 juta** dan **60,000** daripadanya adalah

merupakan pelanggan *High-Speed Downlink Packet Access* atau HSDPA;

iii. Pendapatan dari perkhidmatan *Internet Telephony* disasarkan akan meningkat daripada **RM730 juta** pada tahun 2007 kepada **RM1 bilion** pada akhir tahun 2009. Perkhidmatan ini mempunyai potensi untuk diperkembangkan lagi dengan adanya perkhidmatan jalur lebar; dan

iv. Bagi membantu dalam pelaksanaan MyICMS 886, tiga Pusat Kecemerlangan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi tempatan telah ditubuhkan. Pusat-pusat tersebut ialah Pusat Kecemerlangan Tekonologi Sensor di Universiti Putra Malaysia (UPM), Pusat Kecemerlangan IPv6 di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pusat Kecemerlangan *Digital Home* di Universiti Multimedia Malaysia (MMU).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini, peruntukan yang telah dan sedang dirancang bagi membiayai sebahagian daripada inisiatif MyICMS 886 adalah sekitar **RM 4 bilion**. Ini termasuklah pelaksanaan projek jalur lebar berkelajuan tinggi keseluruh negara, pelaksanaan penyediaan kemudahan infrastruktur komunikasi di luar bandar termasuk menggunakan dana *USP*, beberapa projek perintis bagi teknologi baru, projek penyelidikan berkaitan ICT dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, serta program kesedaran dan promosi jalur lebar dan ICT.

Dari segi pulangan kuantitatif, sejak MyICMS 886 strategi dilancarkan pada akhir tahun 2005, pendapatan dari industri Komunikasi dan Multimedia mencatat **RM36.7 bilion** pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak **12.2%** dari RM32.7 pada tahun 2006.

****

SOALAN NO. : 94

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 30 JUN 2008

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang usaha penambakan sungai di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di sepanjang Sungai Golok yang sering kali berlaku hakisan ketika bencana banjir terutama sekitar pekan kawasan Rantau Panjang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memberi perhatian yang rapi terhadap masalah hakisan tebing di Sg. Golok memandangkan Sg. Golok adalah merupakan sempadan antarabangsa di antara Malaysia – Thailand. Walaupun pihak Kementerian tidak menjalankan kerja penambakan di kawasan sempadan di sepanjang Sg. Golok, namun kerja-kerja menstabil tebing sungai telah dilaksanakan untuk menangani masalah hakisan di kawasan tersebut.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menjalankan kerja-kerja menstabil tebing Sungai Golok secara berperingkat peringkat bagi mengelakkan berlakunya hakisan tebing sungai terutamanya ketika banjir. Setakat ini, kerja-kerja menstabil tebing Sg. Golok yang telah siap dijalankan di antara tahun 1996 sehingga tahun 2005 adalah sepanjang 20.71 km. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), kerja-kerja menstabil tebing yang telah siap dijalankan adalah 4.95 km dan sedang dalam peringkat pelaksanaan adalah sepanjang 20.65 km. Pihak JPS juga telah menyediakan perancangan awal bagi kawasan-kawasan lain di sepanjang Sg. Golok yang memerlukan kerja-kerja penstabilan tebing sepanjang 33.2 km yang akan dijalankan di bawah RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN (PAPAR)
TARIKH	:	30 JUN 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Puan Rosnah binti Abdul Rahid Shirlin (Papar) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengadakan program-program belia yang mensasarkan kepada pesalah juvana.

JAWAPAN

1. Kementerian pada umumnya lebih memfokuskan kepada usaha pembangunan belia sebagai aset (Asset Development). Walau bagaimanapun, usaha-usaha menangani gejala sosial di kalangan belia tidak dipinggirkan. Terdapat beberapa program khusus yang mensasarkan kepada pesalah juvana seperti Program Memperkasa Tenaga Muda - IKHLAS yang dikhususkan kepada penagih-penagih yang berada dalam zon pra-bebas di Pusat Serenti. Program ini dijayakan secara kerjasama dengan pihak AADK. Tujuan program adalah untuk mendidik bekas-bekas penagih dengan nilai-nilai murni bagi memantapkan jati diri seterusnya menyediakan peluang kerjaya

sebagai usahawan kecilan untuk membina kehidupan setelah keluar dari Pusat Serenti.

2. Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional pula mensasarkan kepada belia-belia yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial di seluruh negara. Peserta-peserta program ini diperolehi dari rekod Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sekolah-sekolah. Setakat ini sebanyak 250 program PJKN telah dilaksanakan pada tahun 2007 melibatkan penyertaan belia seramai 40,000 orang dan jumlah kos sebanyak RM27,000,000.00. Pada tahun 2008 program ini sedang berjalan di seluruh negara dengan sasaran 100 program dan penyertaan 16,000 orang belia.

3. Kementerian juga sedang merancang untuk melaksanakan program baru iaitu Program Belia Berwawasan. Program ini juga disasarkan kepada belia berisiko tinggi di seluruh negara. Fokus program ini adalah untuk membina sahsiah diri, menganalisa diri, menyuluh hala tuju seterusnya membina masa depan melalui program kemahiran dan keusahawanan.

4. Di samping itu, satu program pencegahan jenayah juvana di kalangan belia turut dalam penelitian akhir KBS. Antara objektif program ini ialah meningkatkan kesedaran mengenai bahaya perlakuan jenayah di kalangan belia dan kesan-kesannya serta mengurangkan penglibatan belia dalam aktiviti tidak sihat yang boleh mendorong kepada perlakuan jenayah. Antara strategi yang dirancang dalam usaha pencegahan jenayah di kalangan belia

melalui program ini ialah Penubuhan Skuad Belia Benci Jenayah (SBBJ), Mengadakan Program Promosi, Bahan Kempen serta Pengidentitian BBJ dan melaksanakan program–program pendidikan dan pencegahan jenayah.

SOALAN NO: 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 30 JUN 2008

RUJUKAN : 1071

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga bulan Mei 2008, terdapat berapa orangkah yang masih ditahan di bawah ISA berserta dengan nama mereka serta sebab-sebab ditahan dan berapa lama tempoh tahanan mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tempoh 31 Mei 2008, jumlah tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 yang sedang menjalani Perintah Tahanan adalah seramai (63) orang dan mereka ini ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak. Mereka yang ditahan di bawah akta ini terlibat dalam pelbagai kegiatan atau aktiviti yang boleh memudaratkan keselamatan negara iaitu keganasan militan (42) orang, pemalsuan dokumen (6) orang, percambahan nuklear (1) orang, mengumpul maklumat untuk agensi perisikan/keselamatan asing (9) orang dan HINDRAF (5) orang.

Daripada jumlah (63) orang tahanan berkenaan, seramai (22) orang telah ditahan dalam tempoh di bawah 2 tahun, (23) orang dalam tempoh lebih 2 tahun hingga 4 tahun, (11) orang dalam tempoh lebih 4 tahun hingga 6 tahun dan (7) orang lebih dari 6 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai nama orang-orang tahanan tidak dapat didedahkan atas sebab-sebab keselamatan.

NO. SOALAN: 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA: YB. DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]

TARIKH: 30 JUN 2008

SOALAN:

97. PR-1212-L13720
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah kepekaan Kerajaan Malaysia berhubung dengan bantahan antarabangsa mengenai keputusan Kerajaan Junta Myanmar melanjutkan tahanan Aung San Suu Kyi selama setahun mulai 27 Mei 2008 mengakibatkan beliau ditahan selama enam tahun berturut-turut.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.